

**BUKU PANDUAN  
PENGURUSAN PEMBELAJARAN  
PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA**

Tahap Sekolah Rendah Bawah



(Ilustrasi oleh : Rucilapha Somnath darjah 3 Sekolah Sathit Universiti Mahasarakham, Bahagian Sekolah Rendah)



**BUKU PANDUAN PENGURUSAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN HAK ASASI  
MANUSIA**

**TAHAP SEKOLAH RENDAH BAWAH**





<b>Tajuk buku</b>	Buku Panduan Pengurusan Pembelajaran Pendidikan Hak Asasi Manusia Tahap Sekolah Rendah Bawah
<b>ISBN</b>	978-616-8274-01-9
<b>Cetakan pertama</b>	Januari 2020
<b>Jumlah cetakan</b>	1,000 salinan.
<b>Diterbitkan oleh</b>	Pejabat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional  Pusat Kerajaan untuk Memperingati Hari Keputeraan Yang Mulia Raja ke-80, pada 5 Disember 2007, Bangunan Ratthaprasasanabhakdi (Bangunan B, Lantai Sisi Selatan 6 dan 7, 120 Kampung No. 3, Jalan Chaeng Watthana, Kecamatan Thung Song Hong, Kabupaten Lak Si, Bangkok 10210 Telefon 02 141 3800 Faks 0 21439574, Talian Aduan 1377 E-mel: help@nhrc.or.th
<b>Maklumat lanjut</b>	<u><a href="http://www.nhrc.or.th">www.nhrc.or.th</a></u>



## **PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG**

“Di tempat yang kecil berhampiran dengan rumah, teramat kecil dan dekat sehingga tidak dapat dilihat dalam peta dunia. Tempat yang sangat kecil itu seperti satu dunia milik individu yang menjadi tempat tinggal, sekolah, atau universiti untuk individu itu belajar; kilang, ladang atau pejabat-pejabat untuk bekerja. Inilah tempat di mana setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak mencari keadilan, peluang dan maruah yang sama tanpa diskriminasi. Sekiranya hak-hak ini tidak bermakna di tempat itu maka hak-hak ini akan mempunyai peranan yang kecil di tempat-tempat lain. Sekiranya warga tempatan tidak saling bertekad untuk melindungi hak ini di tempat mereka, maka sia-sia mereka untuk membina kemajuan di dunia yang sangat luas ini.”

Pernyataan tersebut diungkapkan oleh Puan Eleanor Roosevelt, isteri bekas Presiden Amerika Syarikat, Franklin D. Roosevelt semasa Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Dalam sesi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang dianggotai oleh 48 buah negara dari seluruh dunia termasuk Thailand telah meluluskan resolusi untuk mengiktiraf Perisytiharan Hak Asasi Manusia pada 10 Disember 2491 Be. (bersamaan 1948 M.). Hal ini merupakan titik permulaan selepas Perang Dunia Kedua berakhir yang memperlihatkan negara anggota PBB dari seluruh dunia telah bersatu meluluskan satu dokumen bersejarah, bertujuan sebagai bukti dalam melindungi hak asasi manusia bagi warganegara sedunia.

Dalam dunia ini, kita hidup berdasarkan kepelbagaian. Tidak kira bangsa, agama, bahasa atau budaya, kita mungkin mempunyai fikiran, kepercayaan, taraf, paras rupa dan fizikal yang berbeza. Justeru hal ini bukan suatu masalah sehingga menimbulkan keimbangan bahawa kita harus mendiskriminasi, memecah belah atau menghalang antara satu sama lain. Sekiranya situasi kepelbagaian ini dianggap semula jadi maka semua dapat hidup bersama dalam kedamaian. Oleh itu kita harus berpegang teguh pada nilai “Hak Asasi Manusia” yang merupakan moral antarabangsa yang terdiri daripada empat prinsip asas. Prinsip-prinsip tersebut bertujuan agar manusia harus bertoleransi antara satu sama lain dalam empat perkara iaitu:

1. Menghormati maruah kemanusiaan.
2. Keyakinan terhadap persamaan seseorang individu tanpa diskriminasi.



3. Kepercayaan terhadap hak dan kebebasan seseorang individu.
4. Memperlakukan terhadap seseorang individu lain sebagaimana sesama manusia.

Empat prinsip asas hak asasi manusia ini juga merupakan prinsip penting dalam Perisyntiaran Hak Asasi Manusia Sejagat yang perlu dipelajari dan difahami bersama oleh manusia. Penghayatan ini akhirnya membawa kepada penerapan dan penciptaan budaya penghormatan terhadap hak asasi manusia dan menerapkannya dalam kehidupan masing-masing. Para guru khususnya memainkan peranan sangat penting dalam membina asas yang kukuh dalam masyarakat dengan mendidik anak-anak dan belia untuk belajar dan menyedari nilai hak asasi manusia melalui penerapan pembelajaran, aktiviti pendidikan dan kehidupan harian.

Oleh itu, kepentingan dalam menggalakkan hak asasi manusia adalah selari dengan prinsip universal. Perlembagaan Kerajaan Thailand 2560 Be. (2017 M.) telah memperuntukkan penubuhan sebuah organisasi bebas iaitu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional yang berperanan dan mempunyai kuasa penting di bawah Akta 247 (5) dalam meningkatkan kesedaran semua lapisan masyarakat terhadap kepentingan hak asasi manusia. Suruhanjaya tersebut mempunyai tugas dan kuasa mengikut undang-undang perlembagaan mengenai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional 2560 Be. Akta 27 (1), (2) dan (3) memberi peruntukan dalam membangkitkan, menyokong dan bekerjasama dengan seorang individu, agensi kerajaan dan swasta untuk mengkaji, menyebarkan pengetahuan dan meningkatkan kekuatan hak asasi manusia, membangkitkan, menyebarkan kepada anak-anak, belia dan masyarakat umum untuk mewujudkan hak asasi manusia masing-masing yang sama dan menghormati hak asasi orang lain yang mungkin berbeza dalam budaya, tradisi, kehidupan dan agama.

Oleh itu, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap hak asasi manusia kebangsaan di sisi perlembagaan telah melihat keperluan untuk menggalakkan perkembangan hak asasi manusia dalam kalangan rakyat. Antara usaha untuk menggalakkan hak asasi manusia adalah dengan segera mengadakan garis panduan secara sistematik mengenai hak asasi manusia di institusi pendidikan di seluruh negara. Hal ini boleh dilakukan melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan yang bertanggungjawab terhadap 30,000 institusi pendidikan dan mempunyai lebih daripada 400,000 kakitangan yang berfungsi untuk menyokong serta memberikan pendidikan asas kepada lebih daripada 7,000,000 orang pelajar di negara ini. Oleh itu, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional dari Pejabat Suruhanjaya



Hak Asasi Manusia Nasional telah memeterai perjanjian kerjasama dalam menggalakkan hak asasi manusia dengan Kementerian Pendidikan untuk bersama-sama menghasilkan *Buku Panduan Pengurusan Pembelajaran Pendidikan Hak Asasi Manusia*. Buku ini berperanan sebagai panduan dalam pengurusan pembelajaran hak asasi manusia untuk mengembangkan kualiti pelajar.

Bagi mencapai matlamat tersebut, suatu jawatankuasa telah dibentuk melibatkan ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, para guru, pensyarah dan pegawai dari Kementerian Pendidikan, pensyarah dari Institut Hak Asasi Manusia dan Pendidikan Keamanan, Universiti Mahidol serta wakil dari Yayasan Friedrich Nauman Thailand. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyediakan *Buku Panduan Pengurusan Pembelajaran Pendidikan Hak Asasi Manusia* yang akan digunakan sebagai garis panduan dalam pengurusan pembelajaran hak asasi manusia untuk mengembangkan kualiti pelajar berdasarkan kurikulum teras pendidikan asas 2551 Be. (2008 M.). Pembelajaran hak asasi manusia ini akan diselitkan dalam mata pelajaran kajian sosial, agama dan budaya daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah. Pendidikan mengenai hak asasi manusia turut akan dimasukkan dalam aktiviti pembelajaran dalam kurikulum Pendidikan Prasekolah (Awal Kanak-kanak) 2560 Be. (2017 M.). Proses penyediaan buku panduan ini terdiri daripada beberapa tahap bermula dengan pertemuan bersama untuk mengumpulkan pandangan dan buah fikiran. Hasil pandangan tersebut seterusnya dibentangkan dan dilakukan penambahbaikan. Beberapa buah bengkel juga diadakan untuk mendengar pendapat dan cadangan daripada para guru, pensyarah serta semua pihak yang berkepentingan bagi menyusun dan melengkapkan buku panduan tersebut sebaik mungkin. Usaha ini diharap dapat menjadikan kanak-kanak dan remaja sebagai sumber kekuatan yang akan memajukan negara pada masa hadapan. Generasi akan datang yang dididik dengan atas hak asasi manusia diharapkan mempunyai pengetahuan, pemahaman dan kesedaran dalam menghormati maruah manusia, mempercayai kesaksamaan manusia tanpa diskriminasi, mempercayai hak dan kebebasan individu dan memperlakukan individu lain sebagai rakan sesama manusia dengan berpegang pada hakikat perbezaan. Prinsip-prinsip yang terdapat dalam Perisyntahan Hak Asasi Manusia Sejagat ini walaupun berasal dari barat sebenarnya selaras dengan nilai-nilai baik masyarakat Thailand seperti sifat kasih sayang, kemurahan hati, suka berkongsi, dan bersatu padu yang sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian mereka.



Akhirnya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional berharap agar *Buku panduan pengurusan pembelajaran pendidikan hak asasi manusia* ini akan menjadikan mereka yang terlibat termasuk guru dan pelajar mempunyai pengetahuan, pemahaman, kemahiran, dan kesedaran mengenai hak asasi manusia. Usaha ini diharapkan mampu mengintegrasikan hak asasi manusia ke dalam amalan kehidupan seharian, sama ada di dalam kelas atau di luar kelas, seterusnya boleh dimanfaatkan agar sesuai dalam konteks keluarga, sekolah, kampung dan masyarakat. Hal ini akan membawa kepada pembentukan budaya menghormati hak asasi manusia yang stabil dan kekal dalam masyarakat Thailand selamanya.



## ISI KANDUNGAN

### **ISI**

Panduan Penggunaan “*Buku Panduan Pengurusan Pembelajaran Pendidikan Hak Asasi Manusia*” **10**

**Struktur Unit Pembelajaran** **17**

**UNIT 1 KELUARGA SAYA** **31**

**Aktiviti 1 Siapa sebagai Siapa dalam Keluarga** **32**

**Aktiviti 2 Ahli Keluarga yang Baik** **38**

    2.1 Peranan, Hak dan Tugas dalam Keluarga **38**

    2.2 Tugas Seorang Anak yang Baik **42**

**Aktiviti 3 Peraturan dalam Keluarga** **47**

**Aktiviti 4 Demokrasi dalam Keluarga** **52**

    4.1 Sifat Pemimpin dan Pengikut dalam Keluarga **52**

    4.2 Penyertaan dalam Membuat Keputusan **59**

    4.3 Membuat Aktiviti Bersama dalam Keluarga **62**

**Aktiviti 5 Kelakuan Sebagai Ahli Keluarga yang Baik** **68**

    5.1 Hidup Bagaimana, Hati Bahagia **68**

    5.2 Keluarga Bahagia **70**

    5.3 Pertuturan yang Sopan **72**

**UNIT 2 SEKOLAH SAYA** **76**

**Aktiviti 1 Siapa Sebagai Siapa dalam Sekolah** **77**

**Aktiviti 2 Warga Sekolah yang Baik** **82**

**Aktiviti 3 Peraturan dalam Kelas** **87**



## **ISI KANDUNGAN**

### **ISI**

#### **UNIT 2 SEKOLAH SAYA**

<b>Aktiviti 4</b>	<b>Proses Demokratik</b>	<b>91</b>
4.1	Demokrasi Pemilihan Pemimpin	91
4.2	Pemilihan Pemimpin dalam Kelas	95
<b>Aktiviti 5</b>	<b>Penerimaan Pandangan yang Berbeza</b>	<b>100</b>
5.1	Saling Memahami	100
5.2	Berbeza Fikiran Secara Kreatif	103
<b>Aktiviti 6</b>	<b>Menghormati Hak</b>	<b>107</b>
6.1	Guru Saya	107
6.2	Hak Saya, Hak Anda	112
6.3	Berdiri dengan Selamat	116
<b>UNIT 3</b>	<b>MASYARAKAT TEMPATAN</b>	<b>120</b>
<b>Aktiviti 1</b>	<b>Masyarakat Bahagia</b>	<b>121</b>
<b>Aktiviti 2</b>	<b>Orang Penting dalam Masyarakat</b>	<b>127</b>
<b>Aktiviti 3</b>	<b>Peraturan dalam Masyarakat</b>	<b>129</b>
3.1	Mempelajari Peraturan	129
3.2	Mengaplikasikan dalam Kehidupan	134
<b>Aktiviti 4</b>	<b>Perwakilan Masyarakat</b>	<b>137</b>



## **ISI KANDUNGAN**

### **ISI**

#### **UNIT 3 MASYARAKAT TEMPATAN**

<b>Aktiviti 5</b>	<b>Bergotong-royong</b>	<b>145</b>
-------------------	-------------------------	------------

5.1	Contoh Teladan yang Baik Lebih Berharga daripada Ajaran	145
-----	---	-----

5.2	Bekerjasama, Tetap Berjaya	149
-----	----------------------------	-----

<b>Aktiviti 6</b>	<b>Sukarelawan, Pembangunan Masyarakat</b>	<b>153</b>
-------------------	--	------------

<b>LAMPIRAN</b>		<b>159</b>
-----------------	--	------------

Contoh Borang Pengukuran dan Penilaian	160
--	-----

Senarai Nama Lembaga Penyusun	173
-------------------------------	-----

Senarai Nama Lembaga Penasihat dan Jabatan Penyunting	176
---	-----



## **PANDUAN PENGGUNAAN BUKU PANDUAN PENGURUSAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA**

### **Penggunaan Buku Panduan Pengurusan Pembelajaran Pendidikan Hak Asasi Manusia peringkat sekolah rendah bawah (Darjah 1-3)**

Buku ini disusun sebagai panduan kepada guru dalam kelompok mata pelajaran pendidikan sosial, agama dan budaya agar dapat menyelitkan aspek pengurusan pembelajaran berkaitan hak asasi manusia dalam kurikulum teras pendidikan dasar 2551 Be., isi yang ke-2 tugas kewarganegaraan, budaya dan kehidupan dalam masyarakat yang mempunyai standard pembelajaran dan pengukuran yang berkaitan dengan hak asas kanak-kanak seperti berikut:

Isi pembelajaran 2.1 darjah 1/1 dapat menyatakan manfaat dan berkelakuan sebagai ahli keluarga dan warga sekolah yang baik (yang mempunyai isi pembelajaran teras iaitu menjadi ahli keluarga dan warga sekolah yang baik seperti mematuhi perjanjian, disiplin serta peraturan keluarga dan sekolah; menyertai aktiviti keluarga dan sekolah, menerima pendapat orang lain, berdisiplin dan murah hati; faedah sebagai ahli keluarga dan warga sekolah yang baik).

Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/1 dapat mengetahui struktur, peranan dan fungsi ahli keluarga dan warga sekolah yang baik (yang mempunyai isi pembelajaran teras iaitu struktur keluarga dan hubungan peranan; fungsi sebagai ahli dalam keluarga; struktur sekolah dan hubungan peranan; fungsi sebagai warga sekolah).

Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/2 dapat menyatakan peranan, hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan sekolah (yang mempunyai isi pembelajaran teras iaitu definisi dan perbezaan kekuasaan mengikut peranan, hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan sekolah; penggunaan kuasa dalam keluarga mengikut peranan dan hak tanggungjawab).

Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/3 dapat terlibat dalam membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga serta sekolah mengikut proses demokrasi (yang mempunyai isi pembelajaran teras iaitu aktiviti mengikut proses demokrasi dalam keluarga seperti pembahagian tugas dan tanggungjawab dalam keluarga; mendengar dan memberi pendapat; aktiviti mengikut proses demokrasi di sekolah seperti pemilihan ketua kelas, ketua kelab dan ketua pelajar).



Isi pembelajaran 2.1 darjah2/1 dapat mematuhi perjanjian, syarat-syarat, peraturan dan tanggungjawab yang harus dilakukan dalam kehidupan seharian (yang mempunyai isi pembelajaran teras iaitu perjanjian, syarat-syarat, peraturan dan tanggungjawab yang harus dilakukan dalam keluarga, sekolah dan tempat awam seperti pawagam, muzium (dan lain-lain).

Isi pembelajaran 2.1 darjah2/3 dapat menunjukkan tingkah laku dalam menerima pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka (yang mempunyai isi pembelajaran teras iaitu menerima perbezaan dalam masyarakat dari segi fikiran dan kepercayaan, kebolehan serta tingkah laku; mempunyai pendapat yang beralasan; menerima kebolehan yang berbeza; tidak bercakap atau menunjukkan sifat penghinaan terhadap paras rupa, warna rambut, warna kulit yang berbeza).

Isi pembelajaran 2.1 darjah 2/4 dapat menghormati hak dan kebebasan orang lain (yang mempunyai isi pembelajaran teras iaitu hak asasi individu seperti hak dalam menyatakan pendapat, hak kebebasan diri, hak dalam harta benda).

Isi pembelajaran 2.2 darjah 2/1 dapat menjelaskan hubungan diri sendiri dan ahli keluarga sebagai sebahagian daripada masyarakat (yang mempunyai isi pembelajaran teras iaitu hubungan sendiri dan ahli keluarga dengan masyarakat seperti membantu aktiviti masyarakat).

Isi pembelajaran 2.2 darjah 3/1 dapat menyatakan peranan dan tugas anggota masyarakat dalam menyertai semua aktiviti mengikut proses demokrasi (yang mempunyai isi pembelajaran teras iaitu peranan anggota dalam masyarakat, menyertai dalam semua aktiviti mengikut proses demokrasi).

## **1. OBJEKTIF PANDUAN**

1.1 Bertujuan sebagai garis panduan kepada guru dalam mengatur aktiviti pembelajaran yang menanamkan pengetahuan dan kefahaman; menyedari kepentingan menjadi seorang warga yang baik; menyertai aktiviti membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga, sekolah dan masyarakat mengikut proses demokrasi; dan menghormati hak kebebasan orang lain.

1.2 Bertujuan sebagai garis panduan kepada guru dalam mengatur aktiviti pembelajaran dan mengintegrasikan hak asasi manusia ke dalam Kurikulum Teras Pendidikan Asas 2551 Be. dalam kelompok mata pelajaran kajian sosial, agama dan budaya yang berkaitan



dengan struktur, peranan, fungsi anggota dan penyertaan dalam membuat keputusan serta melakukan aktiviti dalam keluarga, sekolah dan masyarakat mengikut proses demokrasi menghormati hak kebebasan orang lain.

## **2. GARIS PANDUAN PENGURUSAN AKTIVITI PEMBELAJARAN**

### **2.1 Pengurusan Persekutaran Pembelajaran**

2.1.1 Dari sudut persekitaran pembelajaran, guru harus mengatur suasana di dalam kelas supaya terkini, menarik dan tidak berulangan. Guru perlu mengatur ruang kelas agar sesuai dengan perkara yang diajar dan mempersembahkan hasil kerja pelajar untuk kebanggaan pelajar bagi membangkitkan semangat dalam pengajian seterusnya.

2.1.2 Dari sudut persiapan dalam membuat aktiviti, guru harus mempelajari buku panduan pengurusan aktiviti pembelajaran pendidikan hak asasi manusia untuk difahami dengan jelas, menyediakan aktiviti, bahan pembelajaran, pengukuran dan penilaian, serta kaedah membina motivasi pelajar untuk menanam minat belajar.

### **2.2 Peranan Guru**

2.2.1 Guru mesti membina hubungan yang baik dengan pelajar, mempunyai moral, mementingkan sifat kasih sayang dan saling membantu, serta menjadi model kepada pelajar dalam pengajian.

2.2.2 Guru mesti bersiap sedia sebelum melakukan aktiviti untuk pelajar agar objektif pembelajaran yang ditetapkan tercapai.

2.2.3 Guru mesti menggunakan teknik dalam pengajaran mengikut panduan dan mungkin membuat perubahan mengikut kesesuaian pelajar agar objektif pembelajaran yang ditetapkan tercapai.

### **2.3 Ciri-ciri Aktiviti**

Buku Panduan Pengaturan Pembelajaran ini akan menggunakan pelbagai teknik dan proses pembelajaran seperti:



2.3.1 Pengurusan pembelajaran secara bekerjasama (*cooperative learning*), teknik pembelajaran bersama (*learning together*), dan pengurusan pembelajaran berdasarkan masalah (*problem-based learning – PBL*).

2.3.2 Proses berorganisasi melatih pelajar untuk membuat aktiviti bersama-sama sebagai asas hidup dalam dunia demokrasi, mempunyai pemimpin, pembahagian tugas yang bertanggungjawab, mempunyai perancangan, melaksanakan rancangan, menilai hasil kerja serta membaiki dan mengembangkan kerja.

2.3.3 Berlatih kemahiran berfikir seperti penganalisan, pemikiran kreatif, pemikiran secara berakal, dan pemikiran menyelesaikan masalah.

### **PELAKSANAAN AKTIVITI PEMBELAJARAN AKTIF (*ACTIVE LEARNING*) IAITU:**

1. Pelajar terlibat secara aktif dalam proses dan aktiviti pembelajaran seperti perbincangan, memberi dan bertukar pendapat (idea), menjawab soalan, pembentangan, kerja berkumpulan, bekerjasama dalam aktiviti pembelajaran atau hasil kerja.
2. Pelajar dapat melatih kemahiran berfikir seperti pemikiran analitik, pemikiran lateral, pemikiran kritis, pemikiran menyelesaikan masalah, pemikiran kreatif, dan pemikiran inovatif.
3. Pelajar dapat membina pembelajaran dengan sendiri seperti merancang bentuk pembelajaran sendiri, menciptakan hasil kerja yang kreatif, mampu menilai dan memperkembangkan diri.
4. Pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan daripada peristiwa-peristiwa dalam kehidupan seharian mereka, bersama-sama menyelesaikan masalah mengenai bagaimana menjadi seorang yang baik; penyertaan dalam pembuatan keputusan dan aktiviti dalam keluarga, sekolah dan masyarakat sesuai dengan proses demokrasi.

## **2.4 Media / Sumber Pembelajaran**

Media / sumber pembelajaran ini adalah bahagian penting yang akan membantu membina dan mengembangkan proses pembelajaran mengenai hak asasi manusia dalam mata pelajaran yang



diajar. media / sumber pembelajaran akan membantu membina suasana dan menarik minat murid-murid semasa pelaksanaan aktiviti pembelajaran oleh guru dalam membangkitkan kemahiran berfikir, pemikiran analitik, pemikiran lateral, pemikiran kritis, pemikiran menyelesaikan masalah, pemikiran kreatif, dan pemikiran inovatif.

Media / sumber pembelajaran yang digunakan dalam pengurusan pembelajaran terdiri daripada:

1. Berita, gambar berita dan video peristiwa semasa yang boleh diubahsuai oleh guru sebagai peristiwa tempatan pada setiap tempoh masa. Selain membantu membangkit minat, guru juga boleh menggunakan media ini untuk menggabungkan kemahiran berfikir, kemahiran memilih, dan pengetahuan media semasa dengan sebaik-baiknya.
2. Permainan (*game*) dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sebagai media membantu pelajar untuk menimbul minat dan kegembiraan. Permainan boleh dimanfaatkan bagi membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang ceria dan menarik.
3. Kajian kes dan situasi simulasi adalah media pembelajaran yang boleh disediakan oleh guru sebagai media membina pemahaman sesuai dengan tujuan dan usia murid-murid.
4. Lembaran pengetahuan dan lembaran aktiviti adalah media yang boleh disediakan oleh guru untuk menambah pengetahuan serta pemahaman murid-murid dalam isi mata pelajaran. Lembaran aktiviti sesuai disediakan sebagai latihan dalam pelbagai bentuk yang boleh mengukur tahap pengetahuan dan pemahaman murid-murid. Melalui media tersebut, guru boleh mencetuskan kesedaran dan mengaplikasikan pengetahuan dengan betul serta sesuai.
5. Nota pengetahuan untuk guru adalah media yang berfungsi untuk menambahkan isi kandungan yang boleh digunakan dalam aktiviti pembelajaran sebagai tambahan pada isi mata pelajaran sedia ada. Nota pengetahuan ini dianggap sebagai input yang penting dan perlu diketahui oleh pelajar tetapi tidak menambah bebanan kepada guru.



## 2.5 Pengukuran dan Penilaian Nilai Pembelajaran

Buku panduan pengurusan pembelajaran pendidikan hak asasi manusia ini penting dalam menentukan aspek penilaian pembelajaran melalui proses mengutip pelbagai data daripada aktiviti yang tidak rasmi. Proses penilaian perkembangan pembelajaran (*assessment for learning*) dilakukan sepanjang tempoh aktiviti pembelajaran melalui pengutipan data pembelajaran dan sikap murid-murid semasa melaksanakan aktiviti atau menyiapkan tugas yang ditetapkan. Guru akan membuat pemerhatian, menyoal, mencatat dan menganalisis data keberkesanan pembelajaran terhadap murid-murid, seterusnya melakukan penambahbaikan. Guru juga akan memberi cadangan, mengawasi pelaksanaan aktiviti, mempersempahkan hasil kerja, dan melakukan perbincangan dengan pelajar secara berkumpulan atau individu dan sebagainya.

### Kaedah Penilaian Seperti Berikut:

1. Pemerhatian tingkah laku iaitu pengutipan data melalui pemerhatian kelakuan sepanjang aktiviti pelajar berpandukan objektif yang jelas. Kaedah pemerhatian tingkah laku dilakukan dalam setiap aktiviti sama ada secara berkumpulan dan individu. Guru boleh menggunakan borang pemerhatian dalam lampiran dan mengaplikasikan kaedah ini mengikut kesesuaian.

2. Perbincangan iaitu komunikasi dua hala antara guru dan pelajar yang dapat dilakukan secara berkumpulan atau individu untuk memerhatikan tingkah laku pelajar. Kaedah ini bermanfaat dalam mencari maklumat para pelajar secara berkumpulan atau individu untuk dikembangkan dalam aktiviti seterusnya.

3. Pertanyaan dalam setiap aktiviti pada unit pembelajaran akan melatih corak daya fikir pelajar seperti pemikiran analitik, pemikiran lateral, pemikiran kritis, pemikiran menyelesaikan masalah, pemikiran kreatif, dan pemikiran inovatif.

4. Penulisan mencerminkan pembelajaran sesetengah aktiviti iaitu dengan mengarahkan pelajar mencatatkan pembelajaran. Kaedah ini membolehkan guru mengetahui hasil atau perkembangan dalam pembelajaran para pelajar.

5. Penilaian latihan (*performance assessment*) dalam aktiviti pembelajaran. Para pelajar diberikan latihan atau tugas seperti melakonkan peranan simulasi, mensimulasikan



situasi, mencari maklumat, dan membuat pembentangan. Guru akan memperhatikan cara kerja yang teratur dan menilai hasil tugas pelajar.

### **3. KONSEP PENTING BAGI UNIT PEMBELAJARAN DAN AKTIVITI**

Buku panduan pengurusan pembelajaran pendidikan hak asasi manusia ini terdiri daripada 3 unit pembelajaran.

**Unit Pembelajaran 1** untuk pengurusan pembelajaran pada peringkat sekolah rendah darjah 1 menggunakan petunjuk yang berkaitan hak asasi manusia iaitu isi pembelajaran 2.1 darjah 1/1, isi pembelajaran 2.2 darjah 1/1, isi pembelajaran 2.2 darjah 1/2, isi pembelajaran 2.2 darjah 1/3 sebagai asas dalam mengaturkan aktiviti yang membentuk pelajar menjadi seorang ahli keluarga dan warga sekolah yang baik. Unit ini memupuk penyertaan pelajar dalam membuat keputusan sebagai warga sekolah dan melakukan aktiviti dalam keluarga mengikut proses demokrasi sebagai asas kehidupan dalam masyarakat. Hal ini seterusnya akan mempengaruhi kehidupan pelajar agar bersama-sama orang ramai dalam masyarakat dengan aman damai.

**Unit Pembelajaran 2** untuk pengurusan pembelajaran pada peringkat sekolah rendah darjah 2 menggunakan petunjuk yang berkaitan hak asasi manusia iaitu isi pembelajaran 2.1 darjah 2/1, isi pembelajaran 2.1 darjah 2/3, isi pembelajaran 2.1 darjah 2/4, isi pembelajaran 2.2 darjah 2/1 sebagai asas dalam mengaturkan aktiviti bagi membentuk pelajar mematuhi perjanjian dan peraturan. Pelajar dididik agar berdisiplin dan bertanggungjawab dalam kehidupan seharian dengan menekankan hak kebebasan orang lain. Aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan akan bertumpu kepada aspek pengalaman dan amali pelajar.

**Unit Pembelajaran 3** untuk pengurusan pembelajaran pada peringkat sekolah rendah darjah 3 menggunakan petunjuk yang berkaitan hak asasi manusia iaitu isi pembelajaran 2.2 darjah 3/1 dengan menekankan pelajar agar mempelajari peranan dan fungsi ahli masyarakat dalam menyertai pelbagai aktiviti mengikut proses demokrasi. Para pelajar akan dilatih kemahiran hidup, kemahiran berfikir dan kemahiran bekerjasama, bekerja berkumpulan serta sifat kepimpinan.



## STRUKTUR UNIT PEMBELAJARAN

BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
1	Keluarga Saya	<b>Aktiviti 1:</b> Siapa sebagai Siapa dalam Keluarga	Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/1 Dapat mengetahui struktur, peranan dan tugas ahli keluarga dan warga sekolah.	1. Memahami dan menghargai kepentingan struktur, peranan dan tugas ahli keluarga 2. Menganalisis hubungan ahli keluarga	Struktur, peranan, tugas ahli keluarga	1
		<b>Aktiviti 2: Ahli Keluarga yang Baik</b>  <b>2.1 Peranan, Hak dan Tugas dalam Keluarga</b>	Isi pembelajaran 2.1 darjah 1/1 Dapat menyatakan manfaat dan berkelakuan sebagai ahli keluarga dan warga sekolah yang baik.  Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/2 Dapat menyatakan	1. Memahami dan menghargai kepentingan melaksanakan peranan dan tugas sebagai ahli keluarga  2. Menganalisis hasil kelakuan mengikut peranan dan tugas sebagai ahli keluarga	Melaksanakan peranan sebagai ahli keluarga yang baik; mengetahui hak, tugas individu dalam keluarga	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
			peranan, hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan sekolah.	3. Melaksanakan peranan dan tugas sebagai ahli keluarga		
		<b>2.2 Tugas Seorang Anak yang Baik</b>	Isi pembelajaran 2.1 darjah 1/1 Dapat menyatakan manfaat dan melaksanakan peranan sebagai ahli keluarga dan warga sekolah yang baik. Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/2 Dapat menyatakan peranan, hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan sekolah.	1. Memahami dan menghargai kepentingan melaksanakan peranan dan tugas sebagai ahli keluarga.  2. Menganalisis hasil kelakuan mengikut peranan dan tugas sebagai ahli keluarga.  3. Melaksanakan peranan dan tugas sebagai ahli keluarga.	Melaksanakan peranan sebagai ahli keluarga	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		<b>Aktiviti 3:</b> Peraturan dalam Keluarga	Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/2  Dapat menyatakan peranan, hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan sekolah.	1. Memahami dan mengutamakan peraturan dalam keluarga.  2. Menganalisis hasil kepatuhan peraturan sebagai ahli keluarga.  3. Mematuhi peraturan dalam keluarga.	Mengikut peraturan dalam keluarga	1
		<b>Aktiviti 4:</b> Demokrasi dalam Keluarga  <b>4.1</b> Sifat Pemimpin dan Pengikut dalam Keluarga	Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/3 Dapat terlibat dalam membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga serta sekolah mengikut proses demokrasi.	1. Memahami dan menghargai kepentingan proses demokrasi dalam keluarga.  2. Terlibat dalam membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga mengikut proses demokrasi.	Proses demokrasi dalam keluarga	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		<b>4.2</b> Penyertaan dalam Membuat Keputusan	Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/3 Dapat terlibat dalam membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga serta sekolah mengikut proses demokrasi.	1. Memahami dan menghargai kepentingan proses demokrasi dalam keluarga  2. Terlibat dalam membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga mengikut proses demokrasi	Penyertaan dalam membuat keputusan mengikut proses demokrasi	1
		<b>4.3</b> Membuat Aktiviti Bersama dalam Keluarga	Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/3 Dapat terlibat dalam membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga serta sekolah mengikut proses demokrasi.	1. Memahami dan menghargai kepentingan proses demokrasi dalam keluarga  2. Terlibat dalam membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga mengikut proses demokrasi	Membuat aktiviti bersama dalam keluarga mengikut proses demokrasi	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		<b>Aktiviti 5:</b> Kelakuan Sebagai Ahli Keluarga yang Baik <b>5.1 Hidup Bagaimana, Hati Bahagia</b>	Isi pembelajaran 2.1 darjah 1/1 Dapat menyatakan manfaat dan berkelakuan sebagai ahli keluarga yang baik <b>5.1 Hidup Bagaimana, Hati Bahagia</b>	1. Memahami dan menghargai sikap sebagai ahli keluarga yang baik 2. Menganalisis cara hidup bersama orang dengan bahagia	Faedah bersikap sebagai ahli keluarga yang baik	1
		<b>5.2 Keluarga Bahagia</b>	Isi pembelajaran 2.1 darjah 1/1 Dapat menyatakan manfaat dan berkelakuan sebagai ahli keluarga yang baik. <b>5.2 Keluarga Bahagia</b>	1. Memahami dan menghargai sikap sebagai ahli keluarga yang baik. 2. Mencadangkan cara bersikap sebagai ahli keluarga yang baik.	Faedah bersikap sebagai ahli keluarga yang baik	1
		<b>5.3 Pertuturan yang Sopan</b>	Isi pembelajaran 2.1 darjah 1/1 Dapat menyatakan manfaat dan	1. Memahami dan menghargai sikap sebagai ahli keluarga yang baik.	Faedah bersikap sebagai ahli keluarga yang baik	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
			berkelakuan sebagai ahli keluarga dan warga sekolah yang baik.	2. Menganalisis hasil daripada pertuturan yang sopan dan lemah lembut dengan ahli keluarga.  3. Bersikap sebagai seorang yang mempunyai lisani dan kata-kata yang sopan serta lemah lembut terhadap orang lain.		
2	<b>Sekolah Saya</b>	<b>Aktiviti 1:</b>  Siapa sebagai Siapa dalam Sekolah	Isi pembelajaran 2.2 darjah2/1 Dapat menjelaskan hubungan diri sendiri dan ahli keluarga sebagai sebahagian daripada masyarakat.	1. Memahami dan menghargai kepentingan sebagai warga sekolah.  2. Menganalisis peranan dan tanggungjawab terhadap warga sekolah.	Struktur perhubungan warga sekolah	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		<b>Aktiviti 2:</b>  Warga Sekolah yang Baik	Isi pembelajaran 2.2 darjah2/1 Dapat menjelaskan hubungan diri sendiri dan ahli keluarga sebagai sebahagian daripada masyarakat.	1. Memahami peranan dan tanggungjawab terhadap warga sekolah.  2. Mengutamakan peranan dan tanggungjawab warga sekolah.	Bersikap sebagai warga sekolah yang baik	1
		<b>Aktiviti 3:</b>  Peraturan dalam Kelas	Isi pembelajaran 2.1 darjah2/1 Dapat mematuhi perjanjian, syarat-syarat, peraturan dan tanggungjawab yang harus dilakukan dalam kehidupan seharian.	1. Memahami dan menitikberatkan kepentingan peraturan dalam kelas.  2. Melaksanakan peraturan dalam kelas.	Patuh pada peraturan dalam kelas	1
		<b>Aktiviti 4:</b>  Proses Demokrasi	Isi pembelajaran 2.1 darjah2/3 Dapat	1. Memahami dan menitikberatkan	Proses demokrasi	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		<b>4.1 Demokrasi Pemilihan Pemimpin</b>	menunjukkan tingkah laku dalam menerima pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka.	kepentingan terhadap menggunakan hak untuk memilih pemimpin dalam sekolah.  2. Bertindak mengikut hak, peranan dan tugas dalam menggunakan hak untuk memilih pemimpin dalam sekolah.	dalam memilih pemimpin	
		<b>4.2 Pemilihan Pemimpin dalam Kelas</b>	Isi pembelajaran  2.1 darjah2/3 Dapat menunjukkan tingkah laku dalam menerima pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka.	1. Memahami dan menghargai kepentingan menggunakan hak untuk memilih ketua kelas.  2. Bertindak mengikut hak, peranan dan tugas dalam menggunakan hak untuk memilih ketua kelas.	Pemilihan pemimpin dalam sekolah	1
		<b>Aktiviti 5:</b>	Isi pembelajaran  2.1 darjah2/3 Dapat	1. Memahami dan menghargai kepentingan	Penerimaan pendapat,	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		<b>Penerimaan</b> <b>Pandangan yang Berbeza</b> <b>5.1 Saling Memahami</b>	menunjukkan tingkah laku dalam menerima pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka. <b>5.2 Berbeza Fikiran Secara Kreatif</b>	menerima pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka. 2. Menerima pendapat orang lain yang berbeza tanpa prasangka.	kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka	
		<b>5.2 Berbeza Fikiran Secara Kreatif</b>	Isi pembelajaran 2.1 darjah2/3 Dapat menunjukkan tingkah laku dalam menerima pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka.	1. Memahami dan menghargai kepentingan menerima pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka. 2. Menerima pendapat orang lain yang berbeza tanpa prasangka.	Penerimaan pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka.	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		<b>Aktiviti 6</b> <b>Menghormati Hak</b> <b>6.1 Guru Saya</b>	Isi pembelajaran 2.1 darjah 2/4 Dapat menghormati hak dan kebebasan orang lain.	1. Memahami dan menghargai kepentingan penghormatan hak sendiri dan orang lain. 2. Menghormati hak sendiri dan orang lain.	Penghormatan hak sendiri dan orang lain	1
		<b>6.2 Hak Saya, Hak Anda</b>	Isi pembelajaran 2.1 darjah 2/4 Dapat menghormati hak dan kebebasan orang lain.	1. Memahami dan menghargai kepentingan penghormatan hak sendiri dan orang lain. 2. Menghormati hak sendiri dan orang lain.	Penghormatan hak sendiri dan orang lain	1
		<b>6.3 Berdiri dengan Selamat</b>	Isi pembelajaran 2.1 darjah 2/4 Dapat menghormati hak dan kebebasan orang lain.	1. Memahami dan menghargai kepentingan penghormatan hak sendiri dan orang lain. 2. Menghormati hak sendiri dan orang lain.	Penghormatan hak sendiri dan orang lain	1
3	Masyarakat Tempatan	Aktiviti 1: <b>Masyarakat Bahagia</b>	Isi pembelajaran 2.2 darjah 3/1 Dapat menyatakan	1. Memahami makna dan kepentingan masyarakat.	Makna dan kepentingan masyarakat	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
			peranan dan tugas anggota masyarakat dalam menyertai semua aktiviti mengikut proses demokrasi.	2. Menganalisis cara penyertaan dalam membina masyarakat yang bahagia.		
		<b>Aktiviti 2:</b> Orang Utama dalam Masyarakat	Isi pembelajaran 2.2 darjah 3/1  Dapat menyatakan peranan dan tugas anggota masyarakat dalam menyertai semua aktiviti mengikut proses demokrasi.	1. Memahami dan menghargai kepentingan anggota masyarakat.  2. Menganalisis peranan dan tugas pemimpin dalam membantu pembangunan masyarakat.	Orang utama dalam masyarakat	1
		<b>Aktiviti 3:</b> Peraturan dalam Masyarakat	Isi pembelajaran 2.2 darjah 3/1  Dapat menyatakan peranan dan tugas anggota masyarakat	1. Memahami dan menyedari kepentingan peraturan dalam masyarakat.	Peraturan dalam masyarakat	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		<b>3.1</b> Mempelajari Peraturan	dalam menyertai semua aktiviti mengikut proses demokrasi.	2. Menganalisis hasil mengikut peraturan dalam masyarakat. 3. Patuh pada peraturan dalam masyarakat.		
		<b>3.2</b> Mengaplikasikan dalam Kehidupan	Isi pembelajaran 2.2 darjah 3/1 Dapat menyatakan peranan dan tugas anggota masyarakat dalam menyertai semua aktiviti mengikut proses demokrasi.	1. Memahami dan menyedari kepentingan peraturan dalam masyarakat. 2. Menganalisis hasil mengikut peraturan dalam masyarakat. 3. Patuh pada peraturan dalam masyarakat.	Peraturan dalam masyarakat	1
		<b>Aktiviti 4:</b> Perwakilan Masyarakat	Isi pembelajaran 2.2 darjah 3/1 Dapat menyatakan peranan dan tugas anggota masyarakat dalam menyertai semua aktiviti	1. Memahami dan menyedari kepentingan pilihan raya perwakilan dalam masyarakat. 2. Menganalisis kebaikan dan keburukan perolehan jawatan secara pilihan	Pemilihan wakil masyarakat mengikut proses demokrasi	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
			mengikut proses demokrasi.	raya dalam pelantikan wakil dalam masyarakat.		
		<b>Aktiviti 5:</b> Bergotong-royong <b>5.1</b> Contoh Teladan yang Baik Lebih Berharga daripada Ajaran	Isi pembelajaran 2.2 darjah 3/1 Dapat menyatakan peranan dan tugas anggota masyarakat dalam menyertai semua aktiviti mengikut proses demokrasi.	1. Memahami dan menyedari kepentingan penyertaan dalam aktiviti masyarakat. 2. Menganalisis cara penyertaan yang bermanfaat terhadap masyarakat. 3. Melakukan tindakan yang bermanfaat kepada masyarakat.	Penyertaan dalam aktiviti masyarakat	1
		<b>5.2</b> Bekerjasama, Tetap Berjaya	Isi pembelajaran 2.2 darjah 3/1 Dapat menyatakan peranan dan tugas anggota masyarakat dalam menyertai semua aktiviti	1. Memahami dan menyedari kepentingan penyertaan dalam aktiviti masyarakat. 2. Menganalisis cara penyertaan yang	Penyertaan dalam aktiviti masyarakat	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
			mengikut proses demokrasi.	bermanfaat terhadap masyarakat. 3. Melakukan tindakan yang bermanfaat kepada masyarakat.		
		<b>Aktiviti 6:</b>  Sukarelawan, Pembangunan Masyarakat	Isi pembelajaran 2.2 darjah 3/1  Dapat menyatakan peranan dan tugas anggota masyarakat dalam menyertai semua aktiviti mengikut proses demokrasi.	1. Memahami dan menyedari kepentingan penyertaan dalam aktiviti masyarakat.  2. Menganalisis cara penyertaan yang bermanfaat terhadap masyarakat.  3. Cadangkan aktiviti sukarelawan pembangunan masyarakat yang memberi impak kepada masyarakat.	Aktiviti sukarelawan pembangunan masyarakat	1



## **UNIT PEMBELAJARAN**

**1**

### **KELUARGA SAYA**



## UNIT PEMBELAJARAN 1

## KELUARGA SAYA

**AKTIVITI 1** Siapa sebagai Siapa dalam Keluarga      Masa 1      Jam.

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/1 dapat mengetahui struktur, peranan dan tugas ahli keluarga dan warga sekolah.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai kepentingan struktur, peranan dan tugas ahli keluarga
2. Menganalisis hubungan ahli keluarga

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Guru mewujudkan suasana dengan berosal jawab bersama pelajar tentang keluarga masing-masing dan bertanya tentang siapakah yang terkandung dalam ahli keluarga mereka?

2. Guru membuat kesimpulan berhubung kepentingan ahli keluarga.

3. Pelajar menonton klip video mengenai “Keluarga Bahagia” dan kemudian diarahkan menulis kesimpulan pada sehelai kertas kecil mengenai siapakah yang terkandung dalam ahli keluarga mereka dan apakah hubungan serta kepentingan mereka sebagai ahli keluarga?

4. Guru melukis gambar rajah ahli keluarga di papan tulis dan menerangkan secara umum siapakah yang terkandung dalam ahli keluarga dan apakah hubungan serta kepentingan mereka sebagai ahli keluarga?

5. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Guru memberikan topi kertas dengan tanda tulisan yang menunjukkan hubungan anggota keluarga seperti ibu bapa, datuk, nenek, bapa saudara dan emak saudara pada topi dan mengarahkan pelajar bermain peranan mengikut situasi berikut:

- 5.1 Ibu bapa menghantar anak ke sekolah.
- 5.2 Cucu membawa datuk dan nenek bersembahyang di kuil.
- 5.3 Pakcik dan makcik mengajak cucu pergi melancong dengan mereka.



6. Guru dan pelajar bersama-sama buat kesimpulan tentang hubungan, peranan dan tugas ahli dalam keluarga.

7. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk bermain permainan “Buka papan untuk meneka jawapan” (ເປີດແຜ່ນເຫັນ ທາຍຄໍາຕອບ). Setiap kumpulan membaca situasi dalam kertas aktiviti 1.1: Siapa sebagai Siapa dalam Keluarga dan menganalisis hubungan ahli dalam keluarga. Kemudian setiap kumpulan (secara teratur) perlu memilih kad soalan dan memilih nombor pada papan permainan supaya mendapat jawapan yang sesuai dengan kad soalan. Jikalau pelajar buka papan dan meneka jawapan yang betul maka mereka akan dapat 1 markah. Jikalau pelajar buka papan dan meneka jawapan yang salah maka tidak dapat markah (0 markah).

8. Guru merumuskan pengetahuan dan hasil pertandingan. Guru memberi puji atas kebersamaan dalam membuat aktiviti berkumpulan terhadap kumpulan yang mendapat markah tinggi dan memberi semangat bagi kumpulan yang mendapat markah rendah.

9. Pelajar bersama-sama merumuskan pengetahuan berkaitan struktur, peranan, kepentingan dan hubungan ahli dalam keluarga. Hal ini adalah sebagai permulaan kehidupan dalam masyarakat.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Klip video bertajuk *Lagu Keluarga Bahagia* yang diperoleh secara dalam talian.
2. Kertas Aktiviti 1.1: Siapa sebagai Siapa dalam Keluarga.

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti.
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Pemberian pendapat.

## **CADANGAN**

Pengurusan aktiviti pembelajaran, guru perlu mempertimbangkan sebahagian pelajar yang mungkin mempunyai ciri keluarga yang berbeza, seperti keluarga ibu bapa tunggal, keluarga



berpecah atau bercerai dan lain-lain agar pelajar memahami dan mampu melaksanakan aktiviti yang bersesuaian.

## **GLOSARI**

1. Peranan bermaksud tugas yang dilakukan mengikut hak dan bergantung pada status seseorang. Hal ini kerana setiap individu mempunyai kedudukan atau status dalam kehidupan. Oleh itu, peranan seseorang individu perlu mengikut status-status itu.
2. Tugasan bermaksud aktiviti yang mesti dilakukan atau harus dilaksanakan dan akan membawa hasil yang baik. Ia bermanfaat untuk diri sendiri, keluarga atau masyarakat secara keseluruhan.
3. Keluarga adalah unit masyarakat terkecil. Ia merupakan pembina dan penentu status, hak dan tugasan seseorang individu dalam masyarakat. Ia menjadi institusi pertama dalam penyebaran dan perkembangan budaya.



## LAGU: KELUARGA BAHAGIA

Lirik/melodi: Kanchit Singkham

Korus            Keluarga saya ada sangat ramai.

Boleh bersama sebagai satu keluarga

Tinggal bersama penuh kasih sayang.

Tiap hari kami gembira, dapat berdekatan

V.1      Saya sayang ayah, saya sayang ibu, sayang sama-sama.     Kasih tiap hari sejak pagi  
hingga tidur

Sayang datuk nenek yang selalu tunjuk ajar. Harap besar nanti jadi orang yang baik

V.2      Sayang datuk nenek. Mereka suka bercita, saya dengar gembira

Bapa saudara, ibu saudara baik hati adik beradik semua kebaikan hati.

.....(Korus).....

V.3      Saya sayang keluarga yang ada kemesraan.

Bantu berkongsi dan memberi semangat.

Bercakap sopan memberi senyum sesamanya, hati berkembang tiap hari.

Dapat berdekatan sungguh rasa senang hati.

Bridge

Kebahagiaan ini tidak perlu mencari beli.    Juga tidak memerlukan ada wang yang  
banyak.

Hanya, berkasih sayang dan buat baik.

Antaranya setiap hari



## KERTAS AKTIVITI 1.1

### TAJUK: SIAPA SEBAGAI SIAPA DALAM KELUARGA

Situasi simulasi

Bapa menceritakan bahawa

Datuk In berkahwin dengan nenek Aon di wilayah Chiang Mai pada tahun 2500 Be. Datuk mempunyai 5 orang anak iaitu dua orang bapa saudara sebelah bapa bernama Auwd dan Aeid, dua emak saudara sebelah bapa bernama Aoiy dan Aeuv dan bapa saya nama Aid. Ketika bapa pergi bekerja di Bangkok, bapa saya berjumpa dengan ibu saya iaitu Teuw dan kedua-duanya bercinta. Kemudian datuk dan nenek sebelah ibu saya bernama Datuk Noey dan Nenek Son menerima bapa saya sebagai menantu. Bapa saya mempunyai 3 orang anak iaitu Ton, Tor dan saya sendiri bernama Toi. Bapa saudara sebelah ibu bernama Tuom pula mempunyai anak bernama Teiy dan dia belajar di sekolah yang sama dengan saya. Keluarga saya merupakan sebuah keluarga besar.

### KAD SOALAN

Orang dalam kad soalan berikut, apakah peranannya dalam keluarga?

Kad Soalan 1: In

Kad Soalan 2: Aon

Kad Soalan 3: Aued

Kad Soalan 4: Aoiy

Kad Soalan 5: Aid

Kad Soalan 6: Aeid

Kad Soalan 7: Teuw

Kad Soalan 8: Noey

Kad Soalan 9: Son

Kad Soalan 10: Ton



Kad Soalan 11: Tor

Kad Soalan 12: Toi

Kad Soalan 13: Tum

Kad Soalan 14: Teiy

Kad Soalan 15: Aeuw

Kad Soalan 16: Saya

### **PERMAINAN: BUKA PAPAN UNTUK MENEKA JAWAPAN**

1	2	3	4
5	6	7	8
9	10	11	12
13	14	15	16

**KETERANGAN:** Jawapan di belakang setiap nombor itu ialah peranan dan tugas bagi ahli dalam keluarga seperti datuk, nenek, ibu, bapa, bapa saudara, emak saudara, abang, kakak, adik dan lain-lain.



## UNIT PEMBELAJARAN 1

## KELUARGA SAYA

**AKTIVITI 2** Ahli Keluarga yang Baik

**AKTIVITI 2.1** Peranan, Hak dan Tugas dalam Keluarga 1 Jam.

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.1 darjah 1/1 Dapat menyatakan manfaat dan berkelakuan sebagai ahli keluarga dan warga sekolah yang baik.

Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/2 Dapat menyatakan peranan, hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan sekolah.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai kepentingan melaksanakan peranan dan tugas sebagai ahli keluarga.
2. Menganalisis hasil kelakuan mengikut peranan dan tugas sebagai ahli keluarga.
3. Melaksanakan peranan dan tugas sebagai ahli keluarga.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Pelajar melihat gambar anak membantu ibu bapa membuat kerja rumah.

Kemudian guru memulakan perbualan dengan bertanya:

- 1.1 Siapa pernah membantu ibu bapa buat kerja rumah dan kerja apa?
- 1.2 Bagaimanakah perasaan apabila membantu ibu bapa buat kerja rumah?
2. Guru dan pelajar bersama-sama membuat kesimpulan bahawa membantu ibu bapa membuat kerja rumah merupakan sebahagian peranan dan tanggungjawab ahli dalam keluarga.
3. Pelajar bersama-sama membuat kesimpulan tentang maksud dan contoh peranan serta tugas yang dilakukan oleh pelajar dalam keluarga.
4. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Kemudian guru mengarahkan setiap kumpulan membaca Kertas Aktiviti 2.1.1: Oh Ibu! Saya Minta Maaf (ແມ່ຈ້າ... ໂມ່ງອ ໂທຍ) dan bersama-sama membincangkan aktiviti tersebut mengikut isu tertentu.



5. Setiap pelajar berkongsi kesimpulan yang dibuat daripada perbincangan kumpulan dengan guru dan ahli kumpulan lain memberikan cadangan tambahan.

6. Pelajar dan guru bersama-sama membuat kesimpulan daripada hasil melaksanakan peranan dan tanggungjawab ahli keluarga yang baik kerana setiap orang mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam keluarga untuk mewujudkan pembangunan.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Gambar anak membantu ibu bapa membuat kerja rumah.
2. Kertas Aktiviti 2.1.1: Oh Ibu! Saya Minta Maaf (ແມ່ຈ້າ...ໜູ້ ຂອໂທຍ).

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti.
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Pemberian pendapat.

## **CADANGAN**

Guru harus melaksanakan aktiviti yang menggalakkan pelajar menilai diri sendiri. Misalnya pelajar diminta menulis catatan ringkas untuk melatih tabiat kepada pelajar agar dapat membantu buat kerja rumah. Hal ini adalah sebagai satu pelatihan tabiat tanggungjawab, iaitu tahu menolong diri sendiri dan orang lain serta mendidik diri menjadi ahli keluarga yang baik.

## **GLOSARI**

-



## ILUSTRASI PEMBELAJARAN





### KERTAS AKTIVITI 2.1.1

#### TAJUK: OH IBU! SAYA MINTA MAAF (ແມ່ຈ້າ...ໜູ້ ຂອໂທຍ)

**KETERANGAN:** Pelajar diminta membaca situasi yang diberikan dan kemudian bersama-sama membincangkan situasi tersebut.

SITUASI 1	SITUASI 2
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Somporn bermain anak patung.</li> <li>- Di sudut bilik terdapat kabinet yang diletakkan anak patung dengan rapi.</li> <li>- Di meja, terdapat buku, buku tulis, dan pen yang diletakkan dengan rapi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Somchai bermain <i>game</i> dalam komputer.</li> <li>- Bilik Somchai tidak kemas. Terdapat pakaian kotor yang sudah dipakai di sudut bilik.</li> <li>- Di meja, terdapat buku, buku nota, pen dan kertas letak yang bersepah-sepah.</li> </ul>

Isu dalam penganalisisan daripada gambar.

1. Siapakah yang melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai ahli keluarga?



Somporn



Somchai

2. Ungkapan “Oh ibu! Saya minta maaf.” (ແມ່ຈ້າ...ໜູ້ ຂອໂທຍ) harus disebut oleh siapa?



Somporn



Somchai

3. Peristiwa apakah yang menjadi punca bagi ungkapan itu?



1. Simpan mainan di tempatnya.
2. Main *game* sepanjang masa.
3. Bilik kotor, tidak dikemas dan tidak rapi.
4. Asingkan buku dan buku tulis di atas meja.
5. Tinggalkan pakaian kotor di sudut bilik.

4. Cadangkan penyelesaian agar situasi tersebut tidak berlaku.



## UNIT PEMBELAJARAN 1

## KELUARGA SAYA

**AKTIVITI 2** Ahli Keluarga yang Baik

**AKTIVITI 2.2** Tugas Seorang Anak yang Baik 1 Jam.

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.1 darjah 1/1 dapat menyatakan manfaat dan berkelakuan sebagai ahli keluarga dan warga sekolah yang baik.

Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/2 Dapat menyatakan peranan, hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan sekolah.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai kepentingan melaksanakan peranan dan tugas sebagai ahli keluarga.
2. Menganalisis hasil kelakuan mengikut peranan dan tugas sebagai ahli keluarga.
3. Melaksanakan peranan dan tugas sebagai ahli keluarga.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Pelajar memilih gambar yang menunjukkan aktiviti membantu ibu bapa membuat kerja rumah. Secara rawak, pelajar diminta menjawab soalan tentang bagaimanakah mereka bertanggungjawab terhadap keluarga.

2. Guru memasang lagu *Tanggungjawab Kanak-kanak* (หน้าที่เด็ก) dan meminta pelajar menyanyikan lagu secara beramai-ramai. Kemudian guru bertanyakan soalan:

- 2.1 Berapakah tanggungjawab kanak-kanak yang terdapat dalam lagu?
- 2.2 Berapakah tanggungjawab kanak-kanak yang dapat dilaksanakan oleh pelajar berdasarkan lagu?
- 2.3 Apakah tanggungjawab yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak selain daripada yang telah disebut dalam lagu?



3. Pelajar menonton klip video atau gambar berkaitan tugas dan peranan ahli dalam keluarga untuk membuat kesimpulan berkaitan kepentingan melaksanakan peranan dan tugas ahli dalam keluarga.

4. Guru menyoal pelajar secara rawak bertanyakan faedah yang diperoleh jika ahli keluarga melaksanakan peranan dan tugas masing-masing sebagai ahli keluarga serta kesan yang berlaku jika sebaliknya.

5. Pelajar bersama-sama menentukan topik dan kriteria penilaian dalam Kertas Aktiviti 2.2.1: Melaksanakan Peranan dan Tugas sebagai Ahli Keluarga.

6. Guru dan pelajar bersama-sama membuat kesimpulan tentang faedah berkelakuan sebagai ahli keluarga yang baik.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Gambar yang menunjukkan anak-anak membantu ibu bapa membuat kerja rumah.
2. Lagu *Tanggungjawab Kanak-kanak* (หน้าที่เด็ก).

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti.
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Pemberian pendapat.
4. Penilaian dalam melaksanakan peranan dan tugas sebagai ahli keluarga.

## **CADANGAN**

Guru harus mengadakan pelbagai aktiviti kepada pelajar agar pelajar dapat turut serta dalam aktiviti-aktiviti tersebut dengan sendiri.

## **GLOSARI**

-



## LAGU: TANGGUNGJAWAB KANAK-KANAK (ໜ້າເທື່ອດົກ)

Lirik oleh: Cha-oum Panchaphan

Melodi oleh: Aea Soonthornsanan

Kanak-kanak yang baik mesti bertanggungjawab 10 perkara sahaja

Kanak-kanak yang baik mesti bertanggungjawab 10 perkara sahaja

Satu memeluk agama

Dua menjaga tradisi dengan teguh

Tiga taat dan patuh ibu bapa dan guru

Empat pertuturan mesti sopan dan lemah lembut

Lima teguh sebagai anak yang salih dan solehah

Enam berilmu kasih pekerjaan

Tujuh mesti belajar hingga mahir, mesti usaha dan sabar dan tidak malas

Lapan tahu menyimpan dan menjimatkan

Sembilan mesti ikhlas selama-selama, semangat kesukanan sesuai pada zaman era negara pembangunan

Sepuluh berkhidmat diri untuk manfaat, mengetahui dosa, pahala, hukuman. Harta negara mesti dijaga

Kanak-kanak zaman era negara pembangunan akan sebagai kanak-kanak yang membawa negara maju

Kanak-kanak yang baik mesti bertanggungjawab 10 perkara sahaja

Kanak-kanak yang baik mesti bertanggungjawab 10 perkara sahaja



### **KERTAS AKTIVITI 2.2.1**

#### **TAJUK: PENILAIAN DALAM MELAKSANAKAN PERANAN DAN TUGAS SEBAGAI AHLI KELUARGA**

**KETERANGAN:** Pelajar diminta menentukan topik senarai penilaian dan menilai diri sendiri berkaitan dengan pelaksanaan peranan dan tugas sebagai ahli keluarga.

<b>BIL.</b>	<b>SENARAI</b>	<b>PELAKSANAAN</b>	
	(Contoh)	<b>Dilaksanakan</b>	<b>Tidak dilaksanakan</b>
1.	Bangun pagi dan mengemaskan tempat tidur sendiri		
2.	Mandi dan menggosok gigi dengan bersih		
3.	Menyapu dan mengelap lantai rumah atau bilik tidur sendiri		
4.	Mengemas dan menyusun mainan di tempat yang ditetapkan dengan teratur		
5.	Menyelesaikan tugas sekolah yang diberi oleh guru sendiri		
6.	Membantu membuat kerja rumah seperti mencuci pinggan, menyiram pokok bunga dan membuang sampah		



7.	Taat dan patuh ajaran ibu bapa		
8.	Pulang dari sekolah tepat pada waktunya		
9.	Tidak menonton TV, bermain <i>game</i> atau mengakses media sosial sebelum menyelesaikan kerja sekolah atau tanggungjawab yang telah ditetapkan		
10.	Mempunyai adab yang baik dan sesuai		
11.	Lain-lain (Jelaskan.....)		

**Tandatangan .....** **Pelaku**

**Tandatangan .....** **Penjaga**

KRITERIA PENILAIAN	PELAKSANAAN
Baik	Dapat melakukan 8 perkara ke atas
Sederhana	Dapat melakukan 5-7 perkara ke atas
Perlu ditingkatkan	Dapat melakukan kurang daripada 1-4 perkara



## UNIT PEMBELAJARAN 1

## KELUARGA SAYA

### AKTIVITI 3

Peraturan dalam Keluarga

Masa:

1

Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/2 Dapat menyatakan peranan, hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan sekolah.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan mengutamakan peraturan dalam keluarga.
2. Menganalisis hasil kepatuhan peraturan sebagai ahli keluarga.
3. Mematuhi peraturan dalam keluarga.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Pelajar melihat gambar yang menunjukkan kelakuan pelajar yang tidak mengikuti peraturan rumah dan sekolah seperti tidak memberi perhatian semasa belajar dan bangun daripada tidur lewat. Paparkan 3 keping gambar. Kemudian pelajar dijemput secara rawak untuk memberikan pandangan terhadap setiap gambar tersebut.
2. Pelajar bersama-sama menjawab persoalan:
  - 2.1 Bagaimanakah perasaan pelajar sekiranya adik bermain mainan dan tidak mengemas dengan betul?
  - 2.2 Bagaimanakah perasaan pelajar sekiranya rumah kotor dan barang-barangan tidak dikemaskan dengan betul?
  - 2.3 Bagaimanakah cara penyelesaian sekiranya kakak atau abang tidak mencuci pinggan dengan alasan tugas sekolah belum selesai?
3. Pelajar melihat gambar atau menonton klip video bertajuk *Mengajar Saya Mempunya Adab* dan kemudian buat kesimpulan berkaitan kepentingan peraturan dalam keluarga.



4. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan diminta menjelaskan peraturan sebagai ahli keluarga. Kemudian guru akan menulis kesimpulan di papan hitam.

5. Pelajar diminta menjawab persoalan iaitu apakah faedah yang diperoleh jika ahli keluarga bersama-sama melaksanakan peranan dan tugas masing-masing serta kesan yang berlaku jika sebaliknya.

6. Pelajar dan guru bersama-sama menentukan topik dan kriteria penilaian dalam pelaksanaan pematuhan peraturan ahli dalam keluarga berpandukan Kertas Aktiviti 3.1: Penilaian dalam Pelaksanaan Pematuhan Peraturan Ahli dalam Keluarga.

7. Pelajar dan guru bersama-sama membuat kesimpulan tentang pematuhan peraturan ahli dalam keluarga yang membawa kepada kebahagiaan hidup bersama.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Gambar kelakuan pelajar sebanyak 3 keping.
2. Klip video bertajuk *Disiplin ialah Perkara yang Penting* yang diperoleh secara dalam talian.

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti.
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Pemberian pendapat.
4. Penilaian dalam melaksanakan pematuhan peraturan ahli dalam keluarga.

## **CADANGAN**

1. Guru harus mengadakan aktiviti yang memberi fokus terhadap keperluan mematuhi peraturan dalam kalangan ahli keluarga. Aktiviti tersebut membantu membina perhubungan yang baik sama ada secara tutur kata, sikap atau perbuatan dalam membentuk kehidupan keluarga yang bahagia.



2. Guru harus menekankan pemahaman kepentingan keluarga yang terdiri daripada ahli keluarga yang berbeza daripada segi fikiran dan sifat hidup bersama. Oleh itu, kepatuhan terhadap peraturan dalam kalangan ahli dalam keluarga itu adalah penting dan perlu untuk mewujudkan keselamatan dan kebahagiaan bersama.

## GLOSARI

1. Peraturan bermaksud peraturan yang dibentuk agar tidak melakukan kerosakan terhadap nyawa dan harta benda.
2. Kaedah peraturan bermaksud segala yang telah ditentukan atau ditetapkan dan harus diturut atau dipatuhi oleh semua pihak sebagai asas kelakuan.



### KERTAS AKTIVITI 3.1

#### TAJUK: PENILAIAN DALAM PELAKSANAAN PEMATUHAN PERATURAN AHLI DALAM KELUARGA

**KETERANGAN:** Pelajar diminta bersama-sama menentukan topik senarai penilaian dan menilai diri sendiri berkaitan dengan pematuhan peraturan ahli dalam keluarga.

BIL.	SENARAI  <b>(Contoh)</b>	PELAKSANAAN	
		Dilaksanakan	Tidak dilaksanakan
1.	Menyelesaikan kerja sekolah yang diberi sebelum melakukan urusan peribadi seperti bermain <i>game</i> , menonton TV dan mendengar lagu.		
2.	Meminta izin setiap kali apabila hendak keluar dari rumah untuk membuat tugas kerja rumah atau pergi melancong dengan kawan.		
3.	Meminta izin setiap kali hendak menggunakan duit untuk membeli sesuatu barang.		
4.	Tidak berhutang atau mencuri duit.		
5.	Tidak bertutur kasar dengan perkataan yang tidak sopan.		



6.	Lain-lain (Jelaskan.....)		
----	---------------------------	--	--

**Tandatangan .....**.....**Pelaku**

**Tandatangan .....**.....**Penjaga**

<b>Kriteria Penilaian</b>	<b>Pelaksanaan</b>
Baik	Dapat melakukan 4 perkara ke atas
Sederhana	Dapat melakukan 2-3 perkara
Perlu ditingkatkan	Dapat melakukan 1 perkara sahaja



## UNIT PEMBELAJARAN 1

## KELUARGA SAYA

**AKTIVITI 4** Demokrasi dalam Keluarga

**AKTIVITI 4.1** Sifat Pemimpin dan Pengikut dalam Keluarga Masa 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/3 dapat terlibat dalam membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga serta sekolah mengikut proses demokrasi.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai kepentingan proses demokrasi dalam keluarga.
2. Terlibat dalam membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga mengikut proses demokrasi.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Guru memulakan sesi pengajaran dengan perkataan dan wajah tersenyum mesra dan memberitahu para pelajar bahawa “hari ini guru mempunyai kisah untuk diceritakan”.
2. Guru menceritakan kisah yang bertajuk “Kanak-kanak yang Baik Cintakan Demokrasi”. Kemudian guru meminta pelajar bersama-sama menjawab soalan berdasarkan kisah tersebut seperti berikut:
  - 2.1 Siapakah kanak-kanak yang baik dalam kisah tersebut dan berikan contoh kelakuannya?
  - 2.2 Apakah ciri-ciri cemerlang yang terdapat pada pemimpin keluarga dalam kisah tersebut dan berikan contoh kelakuannya?
3. Guru dan pelajar bersama-sama membuat kesimpulan berhubung kepentingan aktiviti yang mempunyai sifat kepimpinan dan pengikut yang mengikut proses demokrasi dalam keluarga.
4. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Kemudian guru mengarahkan setiap kumpulan bermain *game* Kutip Bendera dan meminta setiap kumpulan memilih ketua kumpulan yang dianggap berbakat.



5. Pelajar setiap kumpulan bermesyuarat untuk merancang cara bermain berdasarkan Kertas Aktiviti 4.1.1: Peraturan Cara Bermain *Game Kutip Bendera*.

6. Ahli setiap kumpulan bermain *game Kutip Bendera*.

7. Pelajar setiap kumpulan diminta menjawab soalan berikut:

7.1 Kenapakah kumpulan yang menang mendapat markah yang tinggi?

7.2 Kenapakah kumpulan yang kalah tidak mampu mendapat markah yang tinggi?

8. Pelajar dan guru bersama-sama membuat kesimpulan tentang kepentingan memiliki sifat kepimpinan bagi ibu bapa dan sifat pengikut pada anak-anak berlandaskan demokrasi dengan menekankan pelaksanaan peranan, tanggungjawab dan hak diri sendiri yang membawa kepada kebahagiaan hidup bersama.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Kisah yang bertajuk “Kanak-kanak yang Baik Cintakan Demokrasi”.
2. Kertas Aktiviti 4.1.1: Peraturan Cara Bermain *Game Kutip Bendera*.
3. Bendera yang berwarna-warni.

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti.
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Pemberian pendapat.

## **CADANGAN**

1. Guru harus melaksanakan aktiviti yang mendedahkan pelajar terhadap sifat pemimpin dan pengikut supaya mereka dapat melaksanakan peranan serta tanggungjawab dengan betul. Pada masa yang sama, para pelajar perlu menyedari bahawa ibu bapa mempunyai kuasa dalam mendidik anak-anak menjadi seorang yang baik dan jika anak tidak patuh maka ibu bapa berhak menghukum dengan sewajarnya.



## GLOSARI

1. Demokrasi ialah sistem pemerintahan negara oleh rakyat atau wakil yang dipilih dalam pilihan raya.
2. Aktiviti demokrasi dalam keluarga merupakan aktiviti yang melibatkan kerjasama ahli dalam keluarga semasa melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka. Aktiviti ini melahirkan tanggungjawab sebagai pemimpin dan pengikut yang baik. Antara aktiviti demokrasi tersebut ialah penyertaan dalam membuat keputusan, mematuhi suara majoriti, membahagikan tugas dan tanggungjawab, serta bersama-sama memberi pendapat dan hujahan.

## PENGETAHUAN UNTUK GURU

Demokrasi mempunyai 6 prinsip asas iaitu:

1. Kuasa berdaulat adalah milik rakyat yang bermaksud pemerintahan rakyat, diperintah oleh rakyat dan untuk rakyat.
2. Prinsip hak dan kebebasan, iaitu hak merupakan faedah yang dapat dinikmati oleh seseorang di bawah undang-undang. Contohnya, seorang mempunyai hak menerima pendidikan, rawatan perubatan, dan hak atas harta benda mereka. Sementara itu, kebebasan pula ialah setiap orang bebas melakukan apa sahaja mengikut kemauan mereka tetapi tidak boleh melanggar undang-undang sehingga menjaskan ketenteraman masyarakat, dan tidak melanggar kebebasan orang lain. Contoh kebebasan adalah seperti kebebasan bersuara, menulis, mencetak, mengiklankan, penubuhan parti politik dan sebagainya.
3. Prinsip persamaan dalam masyarakat demokrasi, iaitu walaupun manusia berbeza daripada segi jantina, kulit, kelas, tempat tinggal, agama atau ideologi politik tetapi semua individu mempunyai persamaan di bawah undang-undang, terutama dalam hal berikut:
  - 3.1 Persamaan politik iaitu setiap individu mempunyai hak mencalonkan untuk pilihan raya sekiranya berkelayakan menurut undang-undang, dan setiap individu berhak memilih serta mengundi dalam pilihan raya.
  - 3.2 Persamaan peluang iaitu setiap individu mempunyai peluang untuk menerima pendidikan, rawatan perubatan, kerjaya dan penerimaan sumbangan negara yang sama.



4. Prinsip persaudaraan iaitu semua manusia dianggap bersaudara dan saling kasih-mengasihi. Mereka tidak dibahagikan kepada wilayah tempat tinggal, tidak dibeza-bezakan mengikut bangsa, kelas, jantina, atau warna kulit, sentiasa bersifat murah hati, berempati dan simpati, serta tidak mengambil kesempatan antara satu sama lain.

5. Prinsip beralasan iaitu setiap individu dalam masyarakat perlu mendengar alasan orang lain, tidak berkeras dengan pendapat sendiri sahaja sehingga orang lain melihat kita sebagai orang yang mempunyai pendapat yang berbeza dengan kenyataan.

6. Prinsip kedaulatan iaitu pemerintahan berlandaskan prinsip undang-undang. Setiap individu mempunyai persamaan di bawah undang-undang. Setiap individu mesti mematuhi undang-undang dengan sama rata, dan tidak memilih bulu dalam menggunakan undang-undang pada individu atau kumpulan tertentu.

**SUMBER:** Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya (2015). *Buku Panduan Pelaksanaan Demokrasi Warganegara yang Baik*. Bangkok: Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya: 10-11.



## CERITA: KANAK-KANAK YANG BAIK CINTAKAN DEMOKRASI

Disusun oleh Jintana Weerakiatsoonthorn

Nhunit dan kakaknya, Nong mempunyai bapa yang bekerja sebagai jurubina manakala ibunya merupakan seorang pekerja kilang. Ibu bapa mereka adalah orang yang rajin dan pandai menabung. Setelah mereka mempunyai dua orang anak, mereka bercita-cita agar anak mereka akan dapat belajar di peringkat yang tinggi dan memperoleh pekerjaan yang selesa. Nhunit dan Nong merupakan kanak-kanak yang pintar dalam pelajaran, rajin serta mempunyai kebaikan hati terhadap orang lain kerana si ibu mendidik anak-anaknya untuk berani menyuarakan pendapat dan menerima pendapat orang lain. Ibu menganggap keluarga mereka sebagai keluarga demokratik. Semasa makan petang, semua ahli keluarga akan makan bersama, berbincang, bertukar fikiran dan pendapat antara satu sama lain.

Pada suatu hari semasa sedang makan petang bersama, bapa bercakap mengenai kenaikan kos sara hidup sehingga menyebabkan perbelanjaan dalam keluarga lebih banyak berbanding pendapatannya. Bapa meminta anak-anaknya memberikan pandangan dan cadangan untuk menghadapi situasi tersebut. Nhunit dan Nong mempunyai pendapat yang sama iaitu mereka harus berjimat. Ibu dan bapa tersenyum dengan bangga apabila mendengar jawapan tersebut sambil bertanya, “Bagaimanakah cara kamu berdua hendak berjimat?”

Nhunit: Saya tidak akan beli barang yang tidak diperlukan dan sia-sia, tidak makan makanan yang tidak berfaedah. Oleh itu, saya akan mempunyai baki wang lagi 5 baht setiap hari.

Nong: Saya tidak akan beli mainan dan tidak akan minum air bergas untuk mengurangkan perbelanjaan.

Setelah anak-anak memberi pandangan, bapa juga mengatakan, “Bapa akan mengambil pekerjaan sambilan seperti membaiki rumah yang berbumbung bocor, jubin pecah, paip pecah, dan pekerjaan lain yang memerlukan kemahiran tangan yang rapi walaupun upahnya tidak terlalu mahal, adakah anak-anak setuju?”

“Ya, setuju!” jawab anak-anak serentak.



“Apabila semua mempunyai cara untuk mengurangkan perbelanjaan dan menambah pendapatan, ibu juga akan turut membantu. Ibu akan membuat beg kain untuk dijual kerana sekarang orang suka guna beg kain menggantikan plastik, yang ibu buat untuk guna sendiri itu kawan tempat kerja pun dah bertanya, kalau ada masa buat dia akan borong untuk dijual.”

Semua sama-sama bertepuk tangan.

“Ok, kita mulakan dari esok ya, Bapa gembira kerana semua bekerjasama dan memberi pandangan yang baik. Bapa amat menghargai kesemuanya.”



### KERTAS AKTIVITI 4.1.1

#### TAJUK: PERATURAN BERMAIN *GAME KUTIP BENDERA*

**Keterangan:** Ahli kumpulan diminta membaca dan memahami peraturan bermain *game* Kutip Bendera.

#### PERATURAN BERMAIN *GAME KUTIP BENDERA*

1. Tetapkan masa untuk bermain *game* selama 5 minit bagi setiap kumpulan.
2. Pemimpin (ketua kumpulan) berada di barisan hadapan dan petugas kutip bendera berada di hujung barisan.
3. Semua ahli kumpulan menutup mata dengan kain. Hanya pemimpin kumpulan tidak ditutup mata.
4. Semasa permainan berlangsung, semua orang tidak boleh bercakap. Jika peraturan dilanggar, mereka akan kalah.
5. Tugas seorang pemimpin ialah membawa anggota untuk menuju ke tempat bendera dan ahli terakhir berfungsi menjaga bendera. Setiap bendera mempunyai markah yang berbeza.

Bendera merah 5 markah

Bendera kuning 4 markah

Bendera hijau 3 markah

Bendera biru langit 2 markah

Bendera putih 1 markah

Bendera hitam 0 markah

6. Apabila isyarat masa telah tamat, permainan mesti dihentikan dengan segera.
7. Pengadil akan mengira markah dari bendera yang dikumpulkan dan melaporkan keputusan perlawanan di papan markah.
8. Guru merumuskan keputusan pertandingan dan berbincang dengan pelajar mengenai apakah pengajaran yang diperoleh menerusi aktiviti permainan ini?



## UNIT PEMBELAJARAN 1 KELUARGA SAYA

**AKTIVITI 4** Demokrasi dalam Keluarga

**AKTIVITI 4.2** Penyertaan dalam Membuat Keputusan      **Masa:** 1      **Jam**

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/3 dapat terlibat dalam membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga serta sekolah mengikut proses demokrasi.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai kepentingan proses demokrasi dalam keluarga.
2. Terlibat dalam membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga mengikut proses demokrasi.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Guru meminta pelajar memilih gambar pakaian di pelbagai situasi yang sesuai dengan tempat dan aktiviti serta alasannya.
2. Pelajar bersama-sama menjawab soalan berikut:
  - 2.1 Adakah pelajar pernah melihat orang memakai pakaian yang tidak sesuai dengan situasi? Terangkan?
  - 2.2 Bagaimanakah perasaan pelajar terhadap orang yang pemakaianya tidak sesuai dengan situasi?
  - 2.3 Adakah pelajar terlibat dalam pemilihan pakaian untuk pelbagai aktiviti untuk dirinya sendiri? Terangkan?
  - 2.4 Jika pelajar terlibat dalam pemilihan pakaian untuk dirinya sendiri, apakah prinsip dalam pemilihannya?
3. Guru dan pelajar bersama-sama membuat kesimpulan berkaitan kepentingan terlibat dalam membuat keputusan dan beraktiviti dalam keluarga mengikut proses demokrasi.



4. Pelajar dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu, (1) Kumpulan yang terlibat dalam membuat keputusan, dan (2) Kumpulan yang tidak terlibat dalam membuat keputusan. Setiap kumpulan diminta bersama-sama membuat analisis mengikut situasi dalam Kertas Aktiviti 4.2.1: Penyertaan dalam Membuat Keputusan.

5. Pelajar setiap kumpulan bersama-sama menceritakan hasil daripada penganalisisan mengikut Kertas Aktiviti 4.2.1.

6. Guru dan pelajar bersama-sama membuat kesimpulan terhadap penglibatan dalam membuat keputusan dan beraktiviti dalam keluarga mengikut proses demokrasi serta mengikut perjanjian hak kanak-kanak iaitu kanak-kanak berhak menjalani kehidupan yang bebas dan selamat.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Gambar pakaian di pelbagai situasi.
2. Kertas Aktiviti 4.2.1: Penyertaan dalam Membuat Keputusan.

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti.
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Pemberian pendapat.

## **CADANGAN**

1. Guru harus menekankan aspek pemakaian yang betul dan sesuai mengikut budaya serta tradisi di samping menunjukkan penghormatan terhadap masyarakat dan tempatnya.

## **GLOSARI**

1. Penyertaan bermaksud pembukaan peluang kepada rakyat agar dapat turut serta dalam pemikiran, penentuan polisi, perancangan, membuat keputusan dan pelaksanaan rancangan.



### **KERTAS AKTIVITI 4.2.1**

#### **TAJUK: PENYERTAAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN**

**Keterangan:** Pelajar diminta membentuk kumpulan dan bersama-sama menganalisis situasi yang ditentukan.

**Kumpulan 1** Terlibat dalam membuat keputusan

**Kumpulan 2** Tidak terlibat menyertai dalam membuat keputusan

#### **SITUASI**

Dalam kehidupan harian, bagaimanakah pelajar terlibat dalam membuat keputusan memilih pakaian untuk pakai pergi melancong dengan keluarga?



## UNIT PEMBELAJARAN 1

## KELUARGA SAYA

**AKTIVITI 4** Demokrasi dalam Keluarga

**AKTIVITI 4.3** Membuat Aktiviti Bersama dalam Keluarga      Masa: 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.2 darjah 1/3 dapat terlibat dalam membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga serta sekolah mengikut proses demokrasi.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai kepentingan proses demokrasi dalam keluarga.
2. Terlibat dalam membuat keputusan dan aktiviti dalam keluarga mengikut proses demokrasi.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Guru meletakkan kad perkataan dan meminta pelajar untuk membentuk kumpulan berdasarkan perkataan yang telah dialami oleh pelajar “Siapakah yang pernah mengalami salah satu perkataan yang dipaparkan ini?”

- 1.1 Anak tidak perlu buat, nanti bapa dan ibu buat sendiri.
- 1.2 Sini, nanti ibu buat biar lebih cepat.
- 1.3 Anak tidak perlu pergi kebun haiwan dengan kawan, nanti bapa pergi sendiri, lebih selamat.

2. Guru meminta pelajar menceritakan perasaan apabila mendengar perkataan-perkataan tersebut.

3. Pelajar melihat 3 gambar tentang penyertaan dalam aktiviti keluarga seperti membantu menyiram pokok dan menyapu rumah serta menceritakan pengalaman dan perasaan apabila melakukan aktiviti itu.

4. Pelajar menceritakan perasaan terlibat dalam 2 jenis aktiviti dalam keluarga yang berbeza dan 1 jenis aktiviti tidak disertai dalam keluarga.



5. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Kemudian guru mengarahkan setiap kumpulan membaca situasi simulasi dalam Kertas Aktiviti 4.3.1: Membuat Aktiviti Bersama dalam Keluarga dan bersama-sama menjawab soalan mengikut isu yang ditetapkan.

6. Pelajar bersama-sama memberi contoh aktiviti yang ahli dalam keluarga dapat sertai bersama.

7. Pelajar bersama-sama membuat kesimpulan tentang pengajaran yang dapat diperoleh daripada aktiviti yang dijalankan dan kaitan pada kepentingan terhadap penyertaan membuat aktiviti keluarga. Pelajar juga harus mengaitkan aktiviti tersebut sejajar dengan hak kanak-kanak tentang hal penyertaan iaitu semua kanak-kanak mempunyai hak dalam memberi pendapat, pandangan, maklum balas dan terlibat membuat keputusan dalam pelbagai hal yang mempunyai kesan kepada diri sendiri.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Kad yang mengandungi 3 perkataan.
2. Tiga gambar penyertaan dalam aktiviti keluarga.
3. Kertas Aktiviti 4.3.1: Membuat Aktiviti Bersama dalam Keluarga.

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti.
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Mempersembahkan hasil kerja.
4. Pemberian pendapat.

## **CADANGAN**

1. Guru harus mengadakan aktiviti yang membolehkan pelajar merasai bahawa mereka dapat diterima dan dihormati dalam memberikan pendapat. Hal ini penting kerana kanak-kanak merupakan pemimpin pada masa depan dan lebih mengetahui apa yang patut dan sebaliknya, selain menghormati hak sendiri dan orang lain. Oleh itu, aktiviti sedemikian akan membantu mengurangkan kelompongan dalam masyarakat.



## GLOSARI

1. Membuat aktiviti bersama dalam keluarga ialah penggunaan masa yang berkualiti bagi keluarga iaitu masa ahli keluarga dapat bersama serta mewujudkan pembelajaran antara satu sama lain secara teliti. Sebagai asas penting terhadap perkembangan dan kehidupan yang baik pada anak, ibu bapa boleh membantu anak untuk mempelajari aspek kehidupan dalam bermasyarakat supaya anak menjadi orang dewasa yang sempurna pada masa depan. Apabila ibu bapa bersama dalam keluarga, anak-anak akan belajar aspek perhubungan, berkongsi dan belajar untuk menyayangi orang lain.



### Kad Perkataan

1. Anak tidak perlu buat, nanti bapa dan ibu akan buat sendiri.

2. Sini, nanti ibu buat biar lebih cepat.

3. Anak tidak perlu pergi kebun haiwan dengan kawan, nanti bapa pergi sendiri, lebih selamat.



### KERTAS AKTIVITI 4.3.1

#### TAJUK: MEMBUAT AKTIVITI BERSAMA DALAM KELUARGA

**Keterangan:** Baca dialog dan jawab soalan berdasarkan isu-isu berikut.

Semasa makan petang, bapa bertanyakan aktiviti yang ingin dilakukan pada hari cuti hujung minggu.	
Bapa	Minggu ini kita bercuti panjang selama 4 hari, cuba fikirkan apakah yang kita akan lakukan?
Cib	Pergi Khon Kaen ya, saya mahu melihat dinosaurus.
Chob	Saya mahu di rumah sahaja ya, saya mahu menanam sayuran. Kawan memberitahu bahawa sayuran-sayuran senang ditanam, tidak ada racun. Saya mahu mencuba ya,
Bapa	Oh! Hari cuti sekali sekala Chob mahu di rumah ke? Ibu macam mana?
Ibu	Ibu mahu ajak bapa dan anak-anak pergi menghirup udara suci di Wang Nam Khiao.
Bapa	Oh! Pendapat yang berbeza. Bagaimanakah kita hendak buat? Tetapi bapa belum memberitahu rancangan bapa dan bapa tidak mahu memaksa semua orang ikut perancangan bapa.
Cib	Ibu, bapa. Pada pandangan saya, aktiviti menanam pokok boleh dilakukan bila-bila masa. Jom kita pergi melancong ya, abang Chob, marilah.
Ibu	Macam ini ya Chob, kita pergi melancong dahulu. Setelah pulang, ibu akan bantu Chob menanam sayur, mungkin belum terlambat.
Bapa	Setuju, sebab jarang-jarang kita berpeluang untuk bercuti banyak hari macam ini. Kita dapat melancong dengan santai-santai tidak terlalu penat. Cib mahu pergi kebun haiwan kemudian terus menghirup udara suci beberapa hari di Khorad. Bagaimanakah pendapat Chob?
Chob	Ya, setuju jikalau semua setuju. Saya masih ingat kawan saya memberitahu di Wang Nam Khiao juga mempunyai plot penanaman sayur organik tanpa racun. Saya mahu pergi lihat juga.

**Disusun oleh :** Wathaneewan Urasukh



**JAWAB SOALAN BERIKUT.**

1. Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan aktiviti bersama dalam keluarga?
2. Adakah pelajar pernah terlibat dalam aktiviti kekeluargaan? Berikan contoh.



## UNIT PEMBELAJARAN 1

## KELUARGA SAYA

**AKTIVITI 5** Kelakuan sebagai Ahli Keluarga yang Baik

**AKTIVITI 5.1** Hidup Bagaimana, Hati Bahagia                    Masa: 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.1 darjah 1/1 dapat menyatakan manfaat dan berkelakuan sebagai ahli keluarga dan warga sekolah yang baik.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai sikap sebagai ahli keluarga yang baik.
2. Menganalisis cara hidup bersama orang dengan bahagia.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Pelajar melakukan aktiviti bernama Lipat-Lipatkan, Koyak-Koyakkan dengan mengikut arahan guru seperti berikut:

- 1.1 Guru memberikan sehelai kertas A4 kepada setiap pelajar.
- 1.2 Pelajar memejamkan mata dan ikut arahan guru. Jangan bersoal jawab semasa melakukan aktiviti.

- 1.3 Lipat kertas menjadi dua dan koyakkan dari sudut bawah.
- 1.4 Lipat dua lagi dan koyakkan dari sudut kanan atas.
- 1.5 Lipat dua lagi dan koyakkan dari sudut kiri bawah.

2. Pelajar melihat hasil yang dilakukan mengikut arahan, kemudian guru bertanyakan pelajar soalan berikut:

- 2.1 Setiap arahan yang dilaksanakan susah atau senang?
- 2.2 Arahan untuk melakukan perkara yang sama tetapi mengapakah hasil kerja yang dikeluarkan berbeza?



3. Tiga pasangan pelajar yang berkawan rapat diminta keluar untuk bermain *game Persamaan, Perbezaan* dengan mendengar soalan dan menulis jawapan mereka di kertas seperti berikut.

- 3.1 Warna kegemaran.
- 3.2 Sukan kegemaran.
- 3.3 Makanan kegemaran.

4. Guru dan pelajar membuat kesimpulan mengenai hubungan antara hidup kebersamaan dengan kebahagiaan berdasarkan kesukaan yang sama dan berbeza.

5. Pelajar berkongsi contoh bagaimana mereka berkelakuan sebagai ahli keluarga yang baik dan menjadikan keluarga itu hidup bersama dengan bahagia.

6. Guru dan pelajar bersama-sama membuat kesimpulan tentang cara menjadi ahli keluarga yang baik untuk hidup bersama dengan bahagia.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Kertas A4.

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti.
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Pemberian pendapat.

## **CADANGAN**

1. Guru harus mengadakan aktiviti yang membolehkan pelajar memahami perbezaan antara individu, fizikal, emosi, pemikiran, kepercayaan, dan kecerdasan, yang akan menjadi asas untuk membina pemahaman yang baik dan hidup bersama yang bahagia.

## **GLOSARI**

-



## UNIT PEMBELAJARAN 1

## KELUARGA SAYA

**AKTIVITI 5** Kelakuan Sebagai Ahli Keluarga yang Baik

**AKTIVITI 5.2** Keluarga Bahagia Masa: 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.1 darjah 1/1 Dapat menyatakan manfaat dan berkelakuan sebagai ahli keluarga dan warga sekolah yang baik.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai sikap sebagai ahli keluarga yang baik.
2. Mencadangkan cara bersikap sebagai ahli keluarga yang baik.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Pelajar melihat gambar keluarga bahagia dan keluarga yang mempunyai masalah, 3 gambar setiap keluarga, serta menceritakan cerita pendek berdasarkan gambar tersebut.
2. Pelajar bersama-sama menjawab soalan berikut:
  - 2.1 Apakah yang menunjukkan bahawa keluarga itu bahagia dan bermasalah?
  - 2.2 Keluarga manakah yang pelajar ingin bersama? Mengapakah?
3. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Kemudian guru mengarahkan setiap kumpulan memainkan peranan simulasi Keluarga Bahagia.
4. Setiap ahli kumpulan berbincang dan berlatih persempahan memainkan peranan simulasi yang ditetapkan oleh guru, dengan guru memberikan tunjuk ajar.
5. Setiap kumpulan membuat persempahan main peranan mengikut situasi simulasi.
6. Guru dan pelajar bersama-sama menilai, memberi pendapat dan memberi cadangan tambahan.
7. Pelajar melukis lukisan keluarga mengikut imaginasi dan menamakan gambar itu. Kemudian gambar tersebut diletakkan di papan pameran.



8. Pelajar dan guru bersama-sama membuat kesimpulan tentang kepentingan dan cara bersikap sebagai ahli keluarga yang baik yang membawa kepada hidup kebersamaan dengan bahagia.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Gambar keluarga bahagia dan keluarga bermasalah.

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti.
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Persembahan memainkan peranan simulasi.
4. Pemberian pendapat.

## **CADANGAN**

1. Guru perlu mengadakan aktiviti yang membolehkan pelajar menunjukkan daya imaginasi dengan membuat lukisan sebagai aktiviti yang sesuai pada usia pelajar, membawa kepada mengetahui cara fikir dan konsep tentang keluarga pelajar.

2. Guru perlu mengadakan aktiviti yang membolehkan pelajar memahami kepentingan keluarga bahawa kita tidak dapat hidup berseendirian, perlu saling bergantung antara satu sama lain. Apabila kita perlu hidup bersama khalayak ramai, kita mesti ketahui cara yang betul dan sesuai sebagai ahli keluarga dan masyarakat yang baik itu.

## **GLOSARI**

-



## UNIT PEMBELAJARAN 1

## KELUARGA SAYA

**AKTIVITI 5** Kelakuan sebagai Ahli Keluarga yang Baik

**AKTIVITI 5.3** Pertuturan yang Sopan Masa: 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.1 darjah 1/1 dapat menyatakan manfaat dan berkelakuan sebagai ahli keluarga dan warga sekolah yang baik.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai sikap sebagai ahli keluarga yang baik.
2. Menganalisis hasil daripada pertuturan yang sopan dan lemah lembut dengan ahli keluarga.
3. Bersikap sebagai seorang yang mempunyai lisan dan kata-kata yang sopan serta lemah lembut terhadap orang lain.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Guru berkomunikasi dengan pelajar tentang pertuturan mengguna bahasa yang sopan, dan bagaimanakah perasaan terhadap orang lain apabila mendengar pertuturan yang sopan.
2. Guru menceritakan cerita yang bertajuk *Nenek Bertutur Sopan* kemudian bersama-sama berbincang dengan pelajar tentang pengajaran yang diperoleh daripada cerita tersebut.
3. Pelajar melihat gambar yang menunjukkan pertuturan yang sopan atau klip video bertajuk *Kanak-Kanak yang Baik Mesti Bersopan* untuk melatih pelajar mempelajari pertuturan yang sopan.
4. Guru menjemput pelajar menceritakan pengalaman pertuturan yang sopan dalam pelbagai situasi.
5. Pelajar menjawab persoalan kesan jika pelajar bertutur dengan sopan dan jika pelajar bertutur tidak sopan.
6. Pelajar melaksanakan aktiviti berdasarkan Kertas Aktiviti 5.3.1: Bertutur Sopan.



7. Guru dan pelajar bersama-sama membuat kesimpulan tentang kepentingan pertuturan yang sopan untuk hidup bersama dengan bahagia dan sebagai menjaga budaya Thailand yang baik.

8. Pelajar dan guru bersama-sama membuat kesimpulan tentang kepentingan dan cara bertindak sebagai ahli keluarga yang baik yang membawa kepada hidup kebersamaan dengan bahagia.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Cerita bertajuk *Nenek Bertutur Sopan* yang diperoleh secara dalam talian.
2. Klip video bertajuk *Kanak-kanak yang Baik Mesti Bertutur Sopan* yang diperoleh secara dalam talian.
3. Kertas Aktiviti 5.3.1: Bertutur Sopan

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Menyemak akan Kertas Aktiviti 5.3.1

## **CADANGAN**

1. Guru harus melaksanakan aktiviti yang mendedahkan pelajar berlatih menggunakan percakapan yang sopan dalam pelbagai situasi. Hal ini melatih pelajar agar dapat menggunakan percakapan yang sopan, betul dan sesuai untuk hidup bersama dengan bahagia.

2. Guru harus melaksanakan aktiviti yang membolehkan pelajar memahami kepentingan keluarga bahawa kita tidak dapat hidup bersendirian, perlu saling bergantung antara satu sama lain. Jika perlu, mesti hidup bersama dengan khalayak ramai kita mesti ketahui cara melakukan dengan betul dan sesuai sebagai ahli keluarga dan masyarakat yang baik itu.



## GLOSARI

Bercakap Bahasa Bunga (Bercakap sopan) iaitu percakapan yang terdiri daripada seperti:

1. Sebagai perkataan yang sopan iaitu bercakap dengan bahasa halus dan sopan, mempunyai nada dalam percakapan.
2. Bermanfaat apabila bercakap iaitu bermanfaat kepada pendengar untuk berfikiran atau melakukan pada jalan yang kreatif.
3. Bercakap dengan perasaan kasih sayang iaitu bercakap dengan niat yang baik terhadap pendengar, mempunyai keikhlasan terhadap pendengar
4. Bercakap sesuai, betul pada masa dan tempat iaitu bercakap di tempat dan pada masa yang sesuai



### KERTAS AKTIVITI 5.3.1

#### TAJUK : PERTUTURAN YANG SOPAN

**Keterangan:** Pelajar diminta mewarnakan pada gambar yang mempunyai perkataan yang betul untuk mengisikan tempat kosong:


- Pelajar berjumpa dengan guru: .....guru.



- Pelajar: Saya minta.....masuk kelas dahulu ya.



- Pelajar: .....ya.





## **UNIT PEMBELAJARAN**

2

## **SEKOLAH SAYA**



## UNIT PEMBELAJARAN 2 SEKOLAH SAYA

**AKTIVITI 1** Siapa sebagai Siapa dalam Sekolah Masa: 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.2 darjah.2/1 menjelaskan hubungan diri sendiri dan ahli keluarga sebagai salah satu bahagian dalam masyarakat

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai kepentingan sebagai warga sekolah.
2. Menganalisis peranan dan tanggungjawab terhadap warga sekolah.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Guru mewujudkan suasana berkomunikasi dengan pelajar iaitu: “Pagi tadi, pelajar datang sekolah, siapakah yang pelajar jumpa? Apakah yang mereka buat?”
2. Pelajar bersama-sama membuat kesimpulan iaitu siapakah yang ada dalam kawasan sekolah? Guru tolol menambah jawapan biar sempurna
3. Pelajar membahagikan kumpulan dengan sesuai dan bahagikan jumlah ahli kumpulan mengikut jawapan no. 2
4. Wakil ahli setiap kumpulan menjemput undi peranan orang yang kumpulan mesti melaksanakan aktiviti pemerhatian dan berwawancara orang mengikut undian yang dijemput berdasarkan isu seperti ini:
  - 4.1 Siapakah merekah yang kumpulan bertanggungjawab untuk menyelidiki
  - 4.2 Apakah peranan, tugas mereka itu?
  - 4.3 Jikalau pihak sekolah tidak ada mereka itu, adakah terjejas dan bermasalah? bagaimanakah?
  - 4.4 Bagaimanakah pelajar harus melakukan terhadap mereka itu sebagai ahli sekolah yang baik



5. Wakil setiap kumpulan membentangkan hasil kerja, ahli kumpulan lain bersama-sama memberikan pendapat.

6. Guru dan pelajar bersama-sama membuat kesimpulan pengajaran yang diperoleh daripada aktiviti iaitu sekolah terdiri daripada pelbagai orang yang tinggal bersama, tiap orang mempunyai peranan,tugasan dan tanggungjawab, tiap orang mesti menunaikan tanggungjawab sebaik-baik mungkin.

7. Pelajar membaca kertas pengetahuan bertajuk *Kata-kata Diraja* bersama-sama dan membuat kesimpulan perihal apakah maksud tugas dan bagaimanakah mesti melakukan?

8. Pelajar semua memanfaatkan ilmu pengetahuan yang diperoleh dari pembentangan hasil kerja setiap kumpulan membuat kesimpulan bentuk gambar peta minda dalam Kertas Aktiviti 1.1: Siapa melakukan apa dalam sekolah.

9. Guru menghuraikan simpulan kaitan dengan kehidupan sebenar iaitu dalam kehidupan sebenar kita akan mempunyai peranan, tugasan yang berbeza, perkataan “peranan” bermaksud menugaskan mengikut apa yang ditentu oleh masyarakat seperti apabila kita di sekolah mesti kita melakukan sebagai anggota yang baik kepada masyarakat yang berkesan terhadap membina disiplin dalam masyarakat.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Kertas pengetahuan 1.1 Tajuk: Kata-kata diraja
2. Kertas Aktiviti 1.1: Siapa melakukan apa dalam sekolah

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Pemberian pendapat
4. Pembentangan hasil kerja
5. Penilaian kesimpulan pengetahuan kepada gambar peta minda



## CADANGAN

1. Guru harus menggunakan suasana kawasan sekolah untuk membantu dalam mengaturkan aktiviti pembelajaran untuk menambah pengalaman secara langsung kepada pelajar

## GLOSARI

1. Hak bermaksud manfaat atau kuasa seseorang yang diakui dan dilindungi oleh undang-undang supaya tidak dilanggar serta dipaksa mengikut hak yang diberi sekiranya berlaku pelanggaran

2. Peranan bermaksud memperlakukan mengikuti hak tugasan disebabkan oleh status seorang mempunyai pelbagai status. Oleh itu, peranan seorang akan mesti melakukan mengikut status dalam keadaan-keadaan tertentu.

3. Tugasan bermaksud aktiviti yang mesti atau harus melakukan sebagai perkara yang ditentu untuk dilakukan atau dilarang. Maka jikalau, mengikutinya akan membawa kepada kesan yang baik dan bermanfaat terhadap diri sendiri, keluarga atau masyarakat.



## KERTAS PENGETAHUAN 1.1

TAJUK: *KATA-KATA DIRAJA*



“Setiap orang masing-masing mempunyai tugas tetapi tidak bermaksud bahawa melakukan khas tugas itu sahaja sebab kalau salah satu seorang melakukan tugas khas dirinya sahaja dengan tidak peduli orang lain, kerja pun tidak dapat menjalankan oleh sebab kerja tiap-tiap kerja mesti terlibat dan hubung kait satu sama lain. Justeru, setiap orang mesti mengetahui terhadap kerja orang lain dan saling tolong menolong

Kata-kata

Seri Paduka Baginda Keluarga Diraja Kathibesorn Maharaja Bhumibol Adulyadej

Borommanatbophit

Dikurniakan kepada

pelbagai golongan pada hari ulang tahun di Dusidalai Pavilion

4 Disember 2533 Be.



## KERTAS AKTIVITI

### TAJUK: SIAPA MELAKUKAN APA DALAM SEKOLAH

**KETERANGAN:** Menyuruh pelajar mengguna ilmu pengetahuan yang diperoleh daripada pembentangan hasil kerja bagi setiap kumpulan membuat kesimpulan kepada gambar rajah pemiriran .

**SIAPA MELAKUKAN APA  
DALAM SEKOLAH**



## UNIT PEMBELAJARAN 2 SEKOLAH SAYA

**AKTIVITI 2** Warga Sekolah yang Baik Masa: 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.2 darjah.2/1 menjelaskan hubungan diri sendiri dan ahli keluarga sebagai salah satu bahagian dalam masyarakat

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami peranan dan tanggungjawab terhadap warga sekolah.
2. Mengutamakan peranan dan tanggungjawab warga sekolah.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Pelajar membahagikan kumpulan dengan sesuai kemudian duduk dalam kumpulan.
2. Guru mengedarkan topi kertas kepada semua ahli, yang mana setiap topi mempunyai ciri yang berbeza seperti berikut.
  - 2.1 Topi kertas jenis 1 mempunyai simbol gambar matahari
  - 2.2 Topi kertas jenis 2 mempunyai simbol gambar bulan.
  - 2.3 Topi kertas, jenis 3 dan 4, mempunyai simbol gambar bintang.
3. Guru menjelaskan peraturan melakukan aktiviti untuk mewujudkan pemahaman dalam Kertas Aktiviti 2.1: Peraturan Melakukan Aktiviti seperti berikut.
  - 3.1 Setiap ahli kumpulan memakai satu topi simbol gambar matahari, satu topi simbol gambar bulan, dan dua topi simbol gambar bintang.
  - 3.2 Ahli kumpulan mempunyai tugas yang berbeza mengikut simbol gambar topi seperti berikut.
    - 3.2.1 Pelajar memakai topi simbol gambar matahari mempunyai tugas untuk belajar melipat kertas berbentuk muka haiwan seri gala daripada seorang guru . Kemudian dibawa untuk mengajar ahli lain dalam kumpulan



3.2.2 Pelajar memakai topi simbol gambar bulan mereka bertanggungjawab untuk memberi kemudahan ahli kumpulan dengan berjalan untuk mengambil kertas yang akan dilipat kepada kawan dalam kumpulan dan menghantar kertas yang sudah dilipat kepada guru.

3.2.3 Pelajar yang memakai topi simbol gambar bintang bertanggungjawab mempelajari cara melipat kertas daripada pelajar yang memakai topi simbol gambar matahari dan melipat kertas hingga berjaya mengikut jumlah yang ditentu oleh guru.

4. Pelajar setiap kumpulan pelajar melaksanakan tugas mereka mengikut simbol gambar di topi, dengan misi melipat 10 lipatan kertas berbentuk muka haiwan seri gala, kumpulan yang melipat dengan betul, dan hantar kumpulan pertama. Kumpulan itu adalah pemenang, kumpulan mana yang tidak melaksanakan peraturan seperti berganti tugasan atau melaksanakan tugas ganti ahli, akan dicabut keluar daripada pertandingan

5. Guru memuji kumpulan yang telah memenangi dalam melakukan aktiviti dan menjelaskan kesimpulan berkaitan dengan kehidupan sebenar iaitu dalam kehidupan sebenar kita mempunyai peranan dan tugas yang berbeza seperti topi yang kita pakai. Baik di rumah, sekolah, masyarakat setiap orang mempunyai peranan yang berbeza. Perkataan peranan bermaksud melaksanakan tugas yang ditentu oleh masyarakat seperti apabila di sekolah kita sebagai pelajar mempunyai tugas yang penting iaitu bersungguh dan lain-lain.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Topi kertas simbol gambar matahari, bulan, bintang
2. Kertas
3. Kertas Aktiviti 2.1: Peraturan Melakukan Aktiviti

## **UKURAN PENILAIAN**

1. memperhatikan penyertaan dalam aktiviti
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Pembuatan topi kertas yang dilipat berbentuk muka seri gala



## CADANGAN

1. Guru dapat mengubahsuai aktiviti atau cara mengikut konteks dan kesesuaian. Agar pelajar memperoleh pengetahuan dan pemahaman mengikut tujuan.
2. Guru harus menekankan pelajar memahami bahawa setiap orang mempunyai peranan yang berbeza dalam setiap masyarakat, di mana setiap peranan mempunyai hak yang berbeza. Oleh itu mengajar pelajar untuk memahami peranan dan tugas mereka adalah perkara sangat penting. Sebab ini, akan membolehkan pelajar mengenali hak mereka dalam masyarakat dan menghormati hak orang lain

## GLOSARI

-



## KERTAS AKTIVITI 2.1

### TAJUK: PERATURAN MELAKUKAN AKTIVITI

1. Ahli setiap kumpulan seorang memakai topi bergambar matahari, seorang memakai topi bergambar bulan dan dua orang memakai topi bergambar bintang.
2. Ahli kumpulan mempunyai tugas yang berbeza mengikut simbol gambar topi seperti berikut.



2.1 Pelajar memakai topi simbol gambar matahari mempunyai tugas untuk belajar melipat kertas berbentuk muka haiwan seri gala daripada seorang guru. Kemudian dibawa untuk mengajar ahli lain dalam kumpulan

2.2 Pelajar memakai topi simbol gambar bulan mereka bertanggungjawab untuk memberi kemudahan ahli kumpulan dengan berjalan untuk mengambil kertas yang akan dilipat kepada kawan dalam kumpulan dan menghantar kertas yang sudah dilipat kepada guru.

2.3 Pelajar yang memakai topi simbol gambar bintang bertanggungjawab mempelajari cara melipat kertas daripada pelajar yang memakai topi simbol gambar matahari dan melipat kertas hingga berjaya mengikut jumlah yang ditentu oleh guru.



### CONTOH: GAMBAR AKTIVITI





## UNIT PEMBELAJARAN 2 SEKOLAH SAYA

**AKTIVITI 3** Peraturan dalam Kelas Masa: 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.1 darjah2/1 dapat mematuhi perjanjian, syarat-syarat, peraturan dan tanggungjawab yang harus dilakukan dalam kehidupan seharian.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menitikberatkan kepentingan peraturan dalam kelas.
2. Melaksanakan peraturan dalam kelas.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Pelajar melihat gambar yang menunjuk atas memperlakukan mengikut peraturan bilik darjah, seperti gambar tolong-menolong bersihkan bilik darjah mengikut jadual tugas harian, dan lain-lain. Kemudian gunakan soalan yang boleh mencetus fikiran untuk pelajar bersama-sama memberi pendapat seperti berikut:

- 1.1 Adakah pelajar ketahui bahawa orang dalam gambar buat kerja apa?
- 1.2 Mengapa mereka mesti saling menolong untuk melakukan pekerjaan itu?
- 1.3 Sekiranya mereka tidak bekerjasama. Bagaimanakah kesannya?

2. Guru membuat kesimpulan kaitan bahawa saling menolong membersihkan bilik darjah ini adalah kepatuhan mengikut peraturan bilik darjah, yang merupakan peraturan yang wujud daripada penerimaan orang dalam masyarakat dan juga menunjukkan penghormatan terhadap peraturan masyarakat yang kita tinggal. Justeru, semua orang terlibat dalam membuat peraturan bilik darjah agar dapat hidup bersama-sama dengan gembira.

3. Pelajar berbincang dan menyatakan pendapat mereka mengenai topik. “Peraturan yang anda mahu ada bilik darjah dan menggunakan hak mereka dengan mengangkat tangan untuk menunjukkan penerimaan. Guru dan pelajar mengumpul dan mengira jumlah markah peraturan yang pelajar cadangkan, maka yang dapat markah tinggi urutan 1 hingga 5 digunakan sebagai peraturan bilik darjah.



4. Pelajar menyertai kumpulan 4-6 orang mengikut suakrela mereka untuk membuat papan tulisan dan gambar serta tunjukkan peraturan bilik darjah mengikut ukuran yang sesuai dengan belanjawan dan lokasi pemasangan.

5. Perwakilan setiap ahli kumpulan bersama-sama bermesyuarat untuk merancang pelaksanaan kerja seperti berikut.

5.1 Kategorikan topik, peraturan bilik darjah yang dipertanggungjawabkan oleh setiap kumpulan.

5.2 Menentukan tempat di mana tempat papan tulisan dan ilustrasi peraturan bilik darjah dipasang

6. Setiap kumpulan pelajar bersama-sama menilai hasil mengikut borang penilaian.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Gambar yang menunjuk memperlakukan mengikut peraturan bilik darjah seperti gambar saling tolong-menolong bersihkan bilik darjah mengikut jadual tugas harian

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Pemberian pendapat
4. Penilaian hasil pembuatan papan menunjuk peraturan bilik darjah

## **CADANGAN**

1. Guru dapat mengubahsuai aktiviti atau cara mengikut konteks dan kesesuaian untuk pelajar memperoleh ilmu pengetahuan dan mempunyai pemahaman betul mengikut tujuan

2. Guru harus menggalakkan semua pelajar untuk mengambil bahagian dalam memberi pendapat mengenai peraturan bilik darjah. Menyertai dalam membuat peraturan tersebut untuk pelajar menyedari terhadap peraturannya yang membantu supaya kita menghormati hak mereka sendiri dan orang lain. Membawa masyarakat yang kita tinggal berkembang dan berubah




pada arah lebih baik kerana peraturan adalah batasan membuat setiap orang dalam masyarakat hidup bersama dengan aman damai.

## **GLOSARI**

1. Peraturan bermaksud peraturan yang ada dalam kebenaran untuk tidak mewujudkan kerosakan terhadap nyawa dan harta benda.
2. Disiplin bermaksud rencana yang disusun sebagai panduan melakukan untuk mengawali ke arah yang sama.



**CONTOH: GAMBAR AKTIVITI MELAKSANAKAN MENGIKUT PERATURAN  
BILIK DARJAH**





## UNIT PEMBELAJARAN 2 SEKOLAH SAYA

### AKTIVITI 4 Proses Demokrasi

**AKTIVITI 4.1** Demokrasi Pemilihan Pemimpin Masa: 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.1 darjah 2/3 dapat menunjukkan tingkah laku dalam menerima pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menitikberatkan kepentingan terhadap menggunakan hak untuk memilih pemimpin dalam sekolah.
2. Bertindak mengikut hak, peranan dan tugas dalam menggunakan hak untuk memilih pemimpin dalam sekolah.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Pelajar melihat tiga orang dari gambar dan mengajak mereka untuk berbincang dengan soalan mengenai peranan dan kepentingan orang dalam gambar itu.
  - 1.1 Gambar dewan pelajar mesyuarat
  - 1.2 Gambar pengarah sekolah/pengetua
  - 1.3 Gambar guru kelas pelajar
  - 1.4 Gambar ketua kelas
2. Guru membuat kesimpulan kaitan peranan dan kepentingan para pemimpin dan memberikan kayu berbendera yang terdapat sekeping teks kecil di mana pelajar menuliskan ciri pemimpin berdasarkan pemikiran setiap pelajar dan menyatukannya dalam satu bekas.
3. Pelajar setiap orang berkeliling untuk mengambil satu bendera dan membaca teks dalam bendera kepada rakan mereka dan menjelaskan alasan secara ringkas bahawa bagaimakah pentingnya ciri itu sehingga selesai semua orang.



4. Guru merumuskan ciri pemimpin untuk berkait dengan pilihan ketua kelas.
5. Pelajar mencalonkan nama pelajar yang sesuai untuk peranan ketua kelas.
6. Setiap pelajar yang dicalonkan bercakap untuk mencari suara dengan menerangkan ciri-ciri mereka yang sesuai untuk dipilih sebagai ketua kelas.
7. Guru mensimulasikan situasi bilik pemilihan dengan meminta semua pelajar menggunakan hak untuk memilih ketua kelas
8. Seorang pelajar yang berfungsi sebagai jawatankuasa pusat mengira undi dan mengumumkan keputusan pilihan raya
9. Pemenang pilihan raya mengucapkan terima kasih dan mengesahkan kesediaannya untuk bertindak sebagai ketua kelas yang baik.
10. Guru dan pelajar bersama-sama membuat kesimpulan dan berhubung dengan kepentingan pemilihan pemimpin di dalam kelas mengikut proses demokrasi

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Ilustrasi pengajaran
2. Teks bendera dan bekas
3. Kertas/kad untuk undi
4. Kawasan pilihan raya

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti
2. Berhujah dalam menjawab soalan
3. Pemberian pendapat

## **CADANGAN**

1. Pengaturan aktiviti pembelajaran untuk pelajar mempelajari daripada pengalaman dengan mensimulasikan situasi terhadap hak untuk memilih di bilik pemilihan. Ia akan membantu pelajar belajar daripada pengalaman langsung (*experiential learning*).




## GLOSARI

1. Proses demokrasi iaitu merupakan kaedah pemerintahan yang mendapat persetujuan rakyat majoriti yang dinyatakan dalam bentuk pilihan raya, debat, referendum, pencadangan rang undang-undang rakyat.
2. Pemimpin ialah orang yang dapat mendorong atau mengarahkan orang lain untuk menyelesaikan tugas mereka mengikut objektifnya dengan berhasil dan kualiti.
3. Pengikut ialah orang yang bekerja dengan orang lain dalam organisasi dan memberi sokongan, membantu pemimpin dalam mencapai objektif organisasi.



## ILUSTRASI PENGAJARAN



### CONTOH: CIRI-CIRI PEMIMPIN YANG DITULIS DENGAN TEKS BENDERA

1. Berinisiatif (sifat memulakan sesuatu usaha)
2. Mempunyai sifat hubungan sesama manusia
3. Berani membuat keputusan
4. Mempunyai alasan
5. Mempunyai keperibadian yang baik
6. Bersabar
7. Berkorban
8. Boleh dipercayai
9. Ada keadilan
10. Suaka mencari pengetahuan dan maklumat baru.



## UNIT PEMBELAJARAN 2 SEKOLAH SAYA

### AKTIVITI 4 Proses Demokrasi

**AKTIVITI 4.2** Pemilihan Pemimpin dalam Kelas Masa: 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.1 darjah2/3 dapat menunjukkan tingkah laku dalam menerima pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai kepentingan menggunakan hak untuk memilih ketua kelas.
2. Bertindak mengikut hak, peranan dan tugas dalam menggunakan hak untuk memilih ketua kelas.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Pelajar melihat gambar dan menjawab persoalan mengenai kaitan gambar tersebut dengan pelajar.
2. Guru menerangkan bahawa pelajar akan belajar tentang penggunaan hak sebagai ahli dalam kelas iaitu memilih ketua kelas bagi mengurus dan menjadikan kelas mereka sebagai bilik darjah yang berkualiti.
3. Guru menggunakan soalan yang mencetuskan fikiran untuk pelajar bersama-sama mengeluarkan pendapat iaitu:
  - 3.1 Apakah maksud ketua kelas?
  - 3.2 Siapakah yang wajar menjadi ketua kelas dan apakah ciri yang harus dimiliki oleh orang itu?
4. Guru merumuskan peranan, tugas dan kepentingan menjadi ketua kelas serta menyuruh pelajar bersama-sama membaca Kertas Pengetahuan 4.2.1 mengenai Tajuk: “Maksud ketua kelas”.



5. Guru mensimulasikan situasi penerimaan pendaftaran calon pemilihan jawatan ketua kelas menurut sukarela

6. Peserta pendaftaran calon jawatan ketua kelas memperkenalkan diri serta menyatakan kebaikan atau kelebihan dan visi mereka kepada rakan-rakan di dalam bilik mendengar

7. Guru menjelaskan peraturan dalam Kertas Aktiviti 4.2.1: Peraturan Pemilihan Ketua Kelas dan memberi pelajar menggunakan hak pilihan raya.

8. Guru dan pelajar bekerjasama untuk mengira markah dan bersama-sama untuk mengucapkan tahniah kepada ketua kelas yang bijak.

9. Pelajar membuat kesimpulan pembentangan pelbagai hasil kerja mengenai topik “Ciri – ciri terhadap seorang ketua kelas yang baik” dalam kertas A4, dengan keterangan di bawah gambar seperti berikut.

9.1 Bagaimana perasaan pelajar mengenai aktiviti pemilihan ketua kelas hari ini?

9.2 Adakah pelajar mempunyai hak yang sama dengan semua kawan untuk aktiviti ini? Bagaimanakah?

10. Pelajar bersama-sama untuk membawa pelbagai karya untuk dipamerkan di papan pameran atau di bilik darjah. Guru menekankan pembelajaran dan menunaikan tugas sebagai ketua kelas di bawah proses demokrasi.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Gambar penggunaan hak pilihan raya
2. Kertas Pengetahuan 4.2.1: Maksud Ketua Kelas
3. Kertas Aktiviti 4.2.1: Peraturan Pemilihan Ketua Kelas yang Bijak

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti.
2. Berhujah dalam menjawab soalan.



3. Pemberian pendapat.
4. Pembentangan karya.
5. Penilaian karya.

## CADANGAN

1. Guru harus mengurus dan mengawal masa bagi melaksanakan aktiviti setiap sesi dengan sesuai agar pelajar mendapat ilmu pengetahuan dan mempunyai pemahaman sesuai dengan tujuan.
2. Guru harus menerangkan keburukan kad pilihan raya yang rosak dan kesan terhadap aktiviti pemilihan pemimpin agar wujud kesedaran dan penghargaan pelajar terhadap undinya.
3. Aktiviti ini mengajar pelajar mengenai pemilihan wakil, selain sebagai penggalakan demokrasi dalam sekolah. Aktiviti ini juga menggalakkan pengetahuan mengenai hak asasi manusia sama ada daripada segi menggunakan hak yang dimiliki dalam memilih wakil dan dalam hal menghormati hak orang lain, seperti menerima keputusan undi yang datang daripada suara majoriti. Selain itu, pelajar juga dapat mengetahui tugas mereka mengikut aturan penggunaan hak pilihan raya.


## GLOSARI

-



## **ILUSTRASI PENGAJARAN**

### **CONTOH AKTIVITI PEMILIHAN RAYA**



#### **KERTAS PENGETAHUAN 4.2.1**

#### **TAJUK: MAKSUD KETUA KELAS**

Ketua kelas ialah orang yang menyelaraskan kerja antara pelajar di dalam kelas dengan guru. Ia dianggap sebagai penjaga keteraturan. Ketua kelas mesti bertanggungjawab, bersungguh-sungguh melaksanakan tugas dan tidak menggunakan haknya untuk memanfaatkan diri serta mengambil kesempatan terhadap orang lain.

Sesiapa sahaja wajar dipilih sebagai ketua kelas. Majoriti pemilihan ketua kelas akan menggunakan cara demokrasi iaitu memberi hak kepada semua orang untuk memilih ketua kelas dengan sama rata dan tidak ada diskriminasi. Setiap orang berhak untuk mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut dan bebas untuk memilih sesiapa sahaja mengikut hak yang masing-masing.



### **KERTAS AKTIVITI 4.2.1**

#### **TAJUK: PERATURAN PEMILIHAN KETUA KELAS YANG BIJAK**

1. Guru membahagikan kad skor pilihan, iaitu sehelai kertas kecil yang dilipat dua kemudian pelajar menulis nama rakan mereka yang ingin mereka berikan tugas sebagai pemimpin yang bijak satu nama, dan dilipat ke dalam peti undi.
2. Pelajar boleh memilih satu nama sahaja. Sekiranya terdapat kad dua yang dipilih dua nama atau lebih, kad tersebut dianggap tidak sah. Kad pelajar itu tidak akan digabungkan dengan markah rakan sekelas di dalam bilik.
3. Peserta pendaftaran calon jawatan “Ketua kelas yang bijak” mempunyai hak untuk memilih
4. Apabila pelajar telah pilih menulis nama seseorang calon pada kad pilihan, kemudian masukkan kad ke dalam kotak yang disediakan.
5. 3 orang pelajar sukarelawan menjadi sebagai jawatankuasa mengira undi yang dipilih oleh kawan-kawan, kemudian mengumumkan nama mereka yang dipilih sebagai ketua kelas.



## **UNIT PEMBELAJARAN 2                    SEKOLAH SAYA**

**AKTIVITI 5**                    Penerimaan Pandangan yang Berbeza

**AKTIVITI 5.1**                    Saling Memahami      Masa: 1 Jam

### **STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN**

Isi pembelajaran 2.1 darjah 2/3 dapat menunjukkan tingkah laku dalam menerima pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka.

#### **TUJUAN UNTUK PELAJAR**

1.        Memahami dan menghargai kepentingan dalam menerima pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka.
2.        Menerima pendapat orang lain yang berbeza tanpa prasangka.

#### **CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI**

1. Guru meletakkan pasu bunga pelbagai warna dan bentuk pada setiap kumpulan meja dan pelajar boleh memilih duduk di meja mengikut jenis pasu bunga yang mereka suka.
2. Pelajar menerangkan alasan memilih pasu bunga dengan guru menjelaskan kesimpulan kaitan terhadap kegemaran seseorang yang berbeza.
3. Pelajar memilih pasangan dengan 1 kawan rapat kemudian menerima 2 helai kertas berwarna
  - 3.1 Kertas warna merah jambu: Tulis satu perkara yang ingin anda lakukan untuk kawan anda berpuas hati.
  - 3.2 Kertas warna hijau: Tulis satu perkara yang anda ingin kawan lakukan untuk anda
4. Guru pilih menjemput 3-5 pasangan pelajar membaca teks pada kedua-dua kertas tersebut kepada kawan serta memberitahu alasannya



5. Guru menerangkan kaitan bahawa memberitahu perasaan suka atau tidak suka kepada kawan, itu adalah salah satu cara yang membuat kita saling memahami, boleh menerima perbezaan fikiran antara satu sama lain.

6. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Kemudian guru mengarahkan setiap kumpulan membincangkan bahawa, jikalau pelajar temui kawan yang mempunyai fikiran, kepercayaan, dan kebolehan yang berbeza dengan kita. Bagaimanakah pelajar akan memperlakukan terhadap kawan mereka itu?

7. Setiap kumpulan pelajar menerangkan bagaimana cara memperlakukan terhadap orang yang berbeza tanpa prasangka, dengan guru memberi cadangan tambahan.

8. Pelajar dan guru bersama-sama merumuskan penerimaan fikiran, kepercayaan orang lain yang berbeza juga membantu kita hidup bersama dengan bahagia.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Pasu bunga pelbagai warna dan bentuk
2. Kertas warna merah jambu dan hijau

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti.
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Pemberian pendapat.

## **CADANGAN**

1. Pengaturan aktiviti pembelajaran dengan memberi pelajar menuliskan perasaan adalah aktiviti yang baik. Aktiviti ini harus digalakkan kerana selain menjadi latihan menulis, aktiviti ini juga membantu pelajar meluahkan perasaan mereka yang sebenar berbanding hanya menonton sahaja, yang kadang-kadang pelajar mungkin tidak berani untuk menyatakan secara lisan.



## GLOSARI

1. Penerimaan pemikiran, kepercayaan yang berbeza bermaksud menerima perbezaan adalah hal penting. Kita mempunyai fikiran dan kepercayaan sesuatu tidak bermaksud bahawa semua orang akan percaya seperti kita. Perbincangan tukar fikiran berlangsung untuk pemahaman bukan untuk kemenangan atau gunakan kuasa atasannya menindas orang lain atau membuat mereka itu kepelikan atau bermasalah. Anak yang dibesarkan dalam keluarga yang boleh berpendapat, bercakap dan memberi peluang untuk memilih dalam keputusan. Akan dapat menggunakan kemahiran ini untuk hidup bersama dengan orang lain dalam masyarakat.



## UNIT PEMBELAJARAN 2 SEKOLAH SAYA

**AKTIVITI 5** Penerimaan Pandangan yang Berbeza

**AKTIVITI 5.2** Berbeza Fikiran Secara Kreatif Masa: 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.1 darjah 2/3 dapat menunjukkan tingkah laku dalam menerima pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka.

#### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai kepentingan menerima pendapat, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka.
2. Menerima pendapat orang lain yang berbeza tanpa prasangka.

#### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Guru meletakkan kad tulisan dengan perkataan “Hak Individu” dan bertanya kepada pelajar iaitu:

1.1 Adakah anda pernah mendengarnya perkataan “Hak individu” atau tidak dan bagaimana?

1.2 Adakah pelajar berfikir bahawa pelajar mempunyai hak individu atau tidak?

2. Pelajar melihat 2 gambar di papan tulis dan mengarah pelajar:-

2.1 memilih gambar yang disukai oleh pelajar, mengapa?

2.2 Adakah pelajar dapat menilai sama ada gambar mana yang lebih cantik?

3. Guru membuat kesimpulan kaitkan kepada pelajar untuk melihat bahawa kedua-dua gambar itu mempunyai kecantikan berbeza mengikut kesukaan setiap individu. Yang mana pelajar mesti menerima pada pendapat atau kesukaan yang berbeza daripada kawan-kawan yang lain



4. Minta pelajar memberitahu satu aktiviti yang paling mereka gemari semasa percutian, seperti:

- 4.1 Suka berbasikal
- 4.2 suka memberi makan ikan di kuil
- 4.3 Suka menonton TV
- 4.4 Suka membentuk boneka (anak patung) daripada tanah liat
- 4.5 Suka menendang bola sepak dengan rakan.

Kemudian guru tambah menjelaskan kepada pelajar bahawa orang mesti mempunyai pilihan yang berbeza. Maka jika kita terima yang berbeza dengan kita, kita akan dapat hidup bersama dalam masyarakat dengan bahagia.

5. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Kemudian guru mengarahkan setiap kumpulan membincangkan isu seperti yang dinyatakan dalam Kertas Aktiviti 5.2.1: Penerimaan Perbezaan Antara Individu. Guru menerangkan perkara yang harus melakukan untuk mengelakkan konflik dalam hidup bersama seperti berikut:

- 5.1 Tidak menunjukkan kejijikan atau menghina orang lain yang berfikir, percaya atau melakukan berbeza dengan kita
- 5.2 Menerima kemampuan yang berbeza pada diri kita sendiri dan orang lain.
- 5.3 Tidak bercakap atau menunjukkan kejijikan mengenai rupa paras, warna kulit, warna rambut sebagai perkara yang wujud sejak lahir lagi.

6. Pelajar pilih berpasangan dengan kawan rapat dan bersama-sama meninjau diri sendiri dan kawan mengikut isu berikut

- 6.1 Rupa paras
- 6.2 Kebolehan istimewa
- 6.3 Pendapat mengenai perkara seperti makanan kegemaran, sukan kegemaran

7 Guru menjemput 2-3 pasangan pelajar untuk merumuskan hasil tinjauan untuk tukar-menukar pandangan dan sikap pelajar.



8. Guru dan pelajar bersama-sama membuat kesimpulan terhadap penerimaan fikiran, kepercayaan dan kelakuan orang lain yang berbeza tanpa prasangka itu. Bahawa kita berhak membuat keputusan kita sendiri, fikirkan apa yang kita suka, cakapkan apa yang kita fikirkan, dan berikan fikiran dan pemahaman anda dengan orang lain.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Kad tulisan perkataan “Hak Individu”
2. Ilustrasi pengajaran
3. Kertas Aktiviti 5.2.1: Penerimaan Perbezaan Antara Individu.

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti
2. Berhujah dalam menjawab soalan
3. Pemberian pendapat

## **CADANGAN**

1. Guru harus mengadakan aktiviti yang membolehkan pelajar memahami tentang fikir berbeza secara kreatif sebagai penggalakan kemahiran berfikir dengan penekanan pemikiran secara kreatif yang baik. Hal ini merupakan kemahiran berfikir pada abad ke-21 dan juga sebagai latihan untuk pelajar agar berani menunjukkan hasil fikiran yang betul dan sesuai serta guru dapat memberi nasihat.

## **GLOSARI**

1. Fikir berbeza secara kreatif bermaksud pemikiran yang tidak terkongkong pada batasan tertentu. Elakkan melihat dunia hanya daripada satu aspek. Hal ini merupakan perkara yang harus digalakkan oleh semua orang dalam masyarakat dan harus dihormati sebagai hak bagi menunjukkan perbezaan antara satu sama lain. Perbezaan akan mewujudkan kepelbagai dan merupakan sumber kreativiti. Perbezaan yang berbudi bahasa terhadap orang lain dan tidak menghina pendapat yang berbeza akan membantu mencipta masyarakat yang lebih baik.



### **KERTAS AKTIVITI 5.2.1**

#### **TAJUK: PENERIMAAN PERBEZAAN ANTARA INDIVIDU**

**KETERANGAN:** Pelajar membahagikan kumpulan dan bersama-sama membincang situasi mengikut isu ditetapkan.

Pelajar berjumpa kawan yang mempunyai fikiran, kepercayaan dan kemahiran yang berbeza dengannya. Bagaimanakah cara pelajar memberikan reaksi terhadap kawan tersebut. Catat dan rumuskan.

#### **CATATAN HASIL RUMUSAN**

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....



## UNIT PEMBELAJARAN 2 SEKOLAH SAYA

**AKTIVITI 6** Menghormati Hak

**AKTIVITI 6.1** Guru Saya Masa: 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.1 darjah 2/4 dapat menghormati hak dan kebebasan orang lain.

#### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai kepentingan penghormatan hak sendiri dan orang lain.
2. Menghormati hak sendiri dan orang lain.

#### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Guru memperkenalkan dirinya kepada pelajar seperti nama, nama keluarga, subjek yang diajar, cara mendidik pelajar dan lain-lain, serta dengan perbincangan mengenai hak, peranan dan tugas guru dengan soalan berikut

1.1 Sekiranya pelajar dapat memilih pekerjaan pada masa depan, adakah pelajar ingin memilih untuk menjadi guru? Mengapa?

1.2 Apakah peranan menjadi guru?

1.3 Sekiranya pelajar itu tidak dengar perkataan guru, degil. Adakah guru berhak menghukum memarahi pelajar tersebut?

2. Pelajar melihat ilustrasi pembelajaran. Kemudian bersama-sama menjawab soalan cetusan fikiran.

2.1 Adakah pelajar berfikir bahawa kanak-kanak yang dihukum itu gembira?

2.2 Pelajar yang berambut panjang, adakah guru berhak menghukum mereka?

Mengapa?



2.3 Sekiranya pelajar tidak mahu dihukum seperti ini, bagaimanakah pelajar akan mempunyai cara menyelesaikan masalah?

3. Pelajar bersama-sama merumuskan cara penyelesaian masalah mengikut fikiran pelajar. Guru meminta murid membaca kertas pengetahuan 5.1 mengenai Tajuk “*Peraturan Kementerian Pendidikan Mengenai Hukuman Pelajar 2548 Be.*” dan peraturan perjanjian sekolah.

4. Pelajar menerima 3 helai kertas kecil yang mempunyai warna yang berbeza.

5. Pelajar bersama-sama menganalisis isu yang ditentukan.

5.1 Apakah yang berhak bagi pelajar di sekolah? Minta pelajar menulis jawapan mereka dalam kertas pertama dan memasukkannya ke dalam kotak yang disediakan oleh guru.

5.2 Sekiranya pelajar sudah dewasa, pelajar dapat menjadi guru di sekolah. Bagaimanakah cara mengajarnya?. Tulis jawapan di kertas yang kedua dan bawa ke dalam kotak yang disediakan oleh guru.

5.3 Bagaimana cara mengajar yang pelajar tidak suka?. Tulis jawapan pada kertas yang ketiga dan masukkan ke dalam kotak yang disediakan oleh guru.

6. Guru menjemput kertas teks di dalam kotak dan membaca jawapan kepada pelajar.

7. Guru dan pelajar bersama-sama untuk merumuskan perbincangan mengenai topik “Guru saya” untuk meringkaskan konsep penting daripada melakukan aktiviti sebagai menunjukkan penghormatan terhadap hak diri sendiri dan orang lain yang hidup bersama dalam masyarakat.

## MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN

1. Gambar membuat hukuman pelajar

2. kertas pengetahuan 5.1 mengenai Tajuk “*Peraturan Kementerian Pendidikan Mengenai Hukuman Pelajar 2548 Be.*”



## UKURAN PENILAIAN

1. Penyertaan dalam aktiviti.
2. Berhujah dalam menjawab soalan.
3. Pemberian pendapat.

## CADANGAN


1. Guru harus menggunakan bahasa yang senang difahami bagi menjelaskan mengenai makna perkataan “penghormatan terhadap hak” dan harus memberikan contoh untuk pelajar berfikir serta memberikan pendapat mereka dalam melakukan aktiviti.
2. Guru dapat mengubahsuai aktiviti atau caranya mengikut konteks dan kesesuaian agar pelajar dapat ilmu dan pemahaman yang betul dengan tujuan.
3. Guru harus mengaplikasikan pendapat pelajar atau menyesuaikannya dalam pengurusan pembelajaran kerana pendapat pelajar akan menggalakkan Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia Perkara 19, iaitu kebebasan dalam berpendapat dan maklumat. Hal ini juga merupakan gambaran kepada guru dalam melihat bagaimanakah pelajar memandang gurunya dan bagaimanakah pelajar mesti bertindak bagi menghormati hak masing-masing?

## GLOSARI

-



## ILUSTRASI PEMBELAJARAN





## KERTAS PENGETAHUAN 5.1

**Tajuk “*Peraturan Kementerian Pendidikan Mengenai Hukuman Pelajar 2548 Be.* ”**

Peraturan Kementerian Pendidikan Mengenai Hukuman Pelajar 2548 Be. Ini berdasarkan Seksyen 6 dan Seksyen 65 Akta Perlindungan Kanak-kanak 2546 Be, yang melarang hukuman dengan kekerasan pada tubuh badan, jiwa misalnya pukul dengan batang pada kaki, betis, punggung, tamparan di muka, tamparan di kepala, pukul kepala dengan pemberis, Tarik rambut dan lain-lain.



## UNIT PEMBELAJARAN 2 SEKOLAH SAYA

**AKTIVITI 6** Menghormati Hak

**AKTIVITI 6.2** Hak Saya, Hak Anda Masa: 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.1 darjah 2/4 dapat menghormati hak dan kebebasan orang lain.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai kepentingan penghormatan hak sendiri dan orang lain.
2. Menghormati hak sendiri dan orang lain.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Guru menyuruh pelajar main peranan dengan berlatih bersama-sama 3 orang pelajar mengikut situasi simulasi.
  - 1.1 Pelajar yang pertama (no.1) dan pelajar yang kedua (no.2) berdiri teratur dalam barisan untuk menghantar kerja kepada guru.
  - 1.2 Pelajar yang ketiga (no. 3) keluar dari tempat duduknya dan berjalan ke hadapan pelajar yang pertama (no.1) untuk menghantar kerja kepada guru.
  - 1.3 Pelajar yang kedua (no.2) menunjukkan rasa tidak puas hati apabila dilalui oleh kawan untuk mengatasi barisan.
2. Guru membenarkan pelajar yang dipotong barisan dan pelajar yang memotong barisan meluahkan perasaan
3. Guru menerangkan kesimpulan kaitan dengan menghormati hak diri sendiri dan orang lain.
4. Pelajar mempelajari tentang menghormati hak diri sendiri dan orang lain melalui permainan *game* Bingo dalam Kertas Aktiviti 6.2.1: Peraturan Bermain *Game* Bingo.



5. Guru dan pelajar bersama-sama merumuskan terhadap hak bahawa kita hidup dengan kebebasan. Kita mempunyai fikiran dan mempunyai kefahaman kita sendiri. Kita harus dilakukan dengan cara yang sama. Penghormatan diri sendiri dan orang lain itu, akan sebagai memperlakukan mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Kertas Aktiviti 6.2.1: Peraturan Bermain *Game Bingo*.
2. Papan Bingo Hak saya, Hak anda
3. Ilustrasi bermain Bingo Hak saya, Hak anda

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti
2. Berhujah dalam menjawab soalan
3. Pemberian pendapat

## **Cadangan**

1. Guru harus mengadakan aktiviti yang membolehkan pelajar memahami bahawa setiap orang mempunyai hak asasi manusia. Setiap hak tersebut perlu diikuti dengan tanggungjawab. Antara tanggungjawab tersebut ialah tidak melakukan diskriminasi terhadap hak orang lain, dan tidak membuli, menghina atau memudaratkan orang lain. Pelajar juga harus memberi hormat, mempunyai kemurahan hati, dan saling membantu berkongsi satu sama lain agar kita dapat hidup bersama dengan bahagia.

## **GLOSARI**

-







## KERTAS AKTIVITI 6.2.1

### PERATURAN BERMAIN GAME BINGO HAK SAYA, HAK ANDA

#### PERATURAN BERMAIN GAME BINGO

1. Guru meletakkan kad perkataan tajuk: “Menghormati hak diri sendiri dan orang lain” di papan
2. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan mendapat satu papan bingo (setiap kumpulan mendapat papan bingo yang berbeza).
3. Memberi setiap kumpulan mengundi atau membuat keputusan bersama bahawa kumpulan manakah akan bermain *game* sebagai kumpulan pertama, kedua atau ketiga dengan teratur.
4. Pelajar kumpulan 1 memilih kad kata-kata di papan dan menyatakan ini adalah mengenai menghormati hak diri sendiri dan orang lain bagaimana?
5. Guru menerangkan dan memberi jawapannya, serta memberi kumpulan yang menjawab dengan betul dapat markah dalam kotak sama dengan gambar dalam jadual papan bingo.
6. Kumpulan pelajar seterusnya memilih kad perkataan dan menyatakan bagaimanakah tentang menghormati hak diri sendiri dan orang lain, mengikut peraturan
7. Sekumpulan pelajar yang dapat memperoleh markah dengan menyusun empat kad pada jadual papan bingo secara menegak, mendatar dan menyerong, minta ahli kumpulan menyebut bingo bersama-sama, menunjukkan bahawa mereka adalah kumpulan yang menang.





### **JADUAL PERKATAAN PAPAN “BINGO”HAK SAYA, HAK ANDA**

Seorang kanak-kanak mengambil mainan tanpa meminta izin.	Majikan menggunakan pekerja kanak-kanak	Guru menggunakan rotan besar untuk memukul murid yang berdiri bersilang.	Kanak-kanak terpaksa membaca buku peperiksaan masuk darjah 1
Kanak-kanak kurang upaya belajar dengan kanak-kanak biasa	Kanak-kanak itu terkurung di rumah.	Kanak-kanak tidak belajar, berdiri di pagar sekolah.	Kanak-kanak dipotong barisan membeli makanan di kantin.
Badan budak itu kurus kerana kekurangan makanan.	Kanak-kanak bermain dengan gembira di taman	Kanak-kanak menerima vaksin tahan penyakit	Kanak-kanak belajar di sekolah
Kanak-kanak berada dalam keluarga bahagia	Kanak-kanak dipaksa untuk menjual bunga di simpang empat	Kanak-kanak berlatih menyanyi lagu	Kanak-kanak membantu menanam pokok kepada masyarakat



## UNIT PEMBELAJARAN 2 SEKOLAH SAYA

**AKTIVITI 6** Menghormati Hak

**AKTIVITI 6.3** Berdiri dengan Selamat Masa: 1 Jam

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.1 darjah 2/4 Dapat menghormati hak dan kebebasan orang lain.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami dan menghargai kepentingan penghormatan hak sendiri dan orang lain.
2. Menghormati hak sendiri dan orang lain.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Guru meminta pelajar bermain game “Berdiri dengan selamat”. Pelajar dibahagikan kepada 4 kumpulan. Setiap kumpulan pelajar mempunyai bilangan ahli yang sama. (Sekiranya ahli tidak dapat memasuki kumpulan, aturkan ahli itu sebagai pengadil)
2. Setiap kumpulan pelajar mempelajari Kertas Aktiviti 6.3.1: Peraturan Bermain Game Berdiri dengan Selamat.
3. Semua kumpulan pelajar menyertai bermain *game* Berdiri dengan Selamat.
4. Setiap kumpulan bersama-sama menjawab soalan berdasarkan isu ditentukan berikut.
  - 4.1 Bagaimanakah perasan pelajar apabila berdiri di atas kertas dalam pusingan 1, 2 dan 3?
  - 4.2 Mengapakah kumpulan yang tidak tahan berdiri dengan selamat di atas kertas yang dilipat dua setiap pusingan itu?
  - 4.3 Bagaimanakah perasan kumpulan yang boleh berdiri semua orang dengan selamat di atas kertas dilipat dua adalah kumpulan pemenang?



4.4 Pelajar berfikir bahawa siapakah kawan yang berkorban membuat kumpulan menyelesaikan aktiviti ini dan bagaimana perasaan mereka itu?

4.5 Adakah pelajar tidak selesa? Oleh sebab setiap orang mesti berdiri dengan selamat di atas kertas yang ruangnya semakin sedikit atau sempit.

4.6 Apakah pengajaran yang pelajar dapat daripada menyertai aktiviti ini?

5. Guru memilih 2-3 orang pelajar untuk bertanya dengan soalan-soalan yang mencetuskan pemikiran bahawa semasa para pelajar menyertai bermain game “*Berdiri dengan selamat*” untuk kumpulan mereka memenangi pertandingan. Semua orang dalam kumpulan mesti berdiri dengan selamat pada ruang kertas yang semakin sempit. Membuat pelajar dalam kumpulan berasa tidak selesa. Adakah pelajar rasa tidak selesa berkaitan dengan menghormati hak orang lain atau tidak dan bagaimana?

6. Guru dan pelajar merumuskan kepentingan menghormati hak diri sendiri dan orang lain pada bahagian menjalani kehidupan seharian yang tidak melanggar hak antara satu sama lain.

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Kertas surat akhbar
2. Kertas Aktiviti 6.3.1: Peraturan Bermain *Game Berdiri dengan Selamat*.

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti
2. Berhujah dalam menjawab soalan
3. Pemberian pendapat



## CADANGAN

1. Guru harus mengadakan aktiviti yang dapat menambahkan pengetahuan kepada pelajar memahami hak dalam menjalani hidup dengan selamat di bawah konvensyen (perjanjian) hak kanak-kanak. Kanak-kanak mempunyai hak mendapatkan penjagaan kesihatan asas untuk hidup dengan selamat, menjalani hidup dalam masyarakat yang mempunyai keselamatan serta keamanan dari tanpa keganasan.

## GLOSARI

-



### KERTAS AKTIVITI 6.3.1

#### TAJUK: PERATURAN BERMAIN GAME BERDIRI DENGAN SELAMAT

**Keterangan:** Setiap ahli kumpulan membaca dan memahami peraturan bermain game berdiri dengan selamat

##### Peraturan Bermain Game “Berdiri dengan Selamat”

1. Menentukan masa untuk main game dan bermain game mengikut masa yang tentukan
2. Setiap kumpulan mempunyai jumlah ahli lebih kurang 6-8 orang.
3. Setiap ahli kumpulan mesti berdiri di atas kertas surat khabar atau kertas roti. Setiap pusingan kertas dilipat dua hingga ada kawasan untuk semua ahli kumpulan dapat berdiri dengan selamat dalam masa ditentukan, maka dianggap kumpulan itu memenangi. Juga ahli kumpulan mana tidak mampu berdiri dengan selamat dalam masa yang ditentukan, maka kumpulan itu dianggap kalah dan keluar daripada pertandingan serta memperhatikan kawan-kawan yang masih bermain.
4. Pada akhir aktiviti guru menanyakan perasaan pelajar semasa melakukan aktiviti tersebut.
  - Adakah pelajar tidak selesa? Oleh sebab setiap orang mesti berdiri dengan selamat di atas kertas yang ruangnya semakin sedikit atau sempit.
5. Guru merumuskan keputusan pertandingan dan membincangkan dengan soalannya iaitu:
  - Bagaimanakah perasaan pelajar apabila berdiri atas kertas pada pusingan 1, 2 dan tiga?
  - Kumpulan yang tidak mampu berdiri atas kertas yang dilipat pada setiap pusingan itu, mengapa?
  - Bagaimanakah perasaan kumpulan yang mampu berdiri atas kertas yang dilipat dua setiap pusingan hingga menang?
  - Pelajar berfikir bahawa siapakah kawan yang berkorban membuat kumpulan menyelesaikan aktiviti ini dan bagaimana perasaan mereka itu?
  - Apakah pengajaran yang pelajar dapat daripada menyertai aktiviti ini?



## **UNIT PEMBELAJARAN**

**3**

## **MASYARAKAT TEMPATAN**



## UNIT PEMBELAJARAN 3

## MASYARAKAT TEMPATAN

### AKTIVITI 1

Masyarakat Bahagia

Masa 1

Jam.

### STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN

Isi pembelajaran 2.2 darjah 3/1 dapat menyatakan peranan dan tugas anggota masyarakat dalam menyertai semua aktiviti mengikut proses demokrasi.

### TUJUAN UNTUK PELAJAR

1. Memahami makna dan kepentingan masyarakat.
2. Menganalisis cara penyertaan dalam membina masyarakat yang bahagia.

### CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI

1. Guru mewujudkan suasana pembelajaran dengan perbualan dan menyoal mengenai perjalanan dari rumah ke sekolah iaitu sebutkan beberapa tempat yang melihatnya dan mengapakah tempat-tempat itu pentingnya?

2. Pelajar menonton klip video tajuk “Masyarakat tempatan saya” kemudian Menjemput pelajar untuk menjawab soalan-soalan yang mencetuskan fikiran seperti berikut:

- 2.1 Apakah maksud masyarakat?
  - 2.2 Apakah pekerjaan yang majoriti dilakukan oleh masyarakat di tempat pelajar tinggal?
  - 2.3 Apakah budaya dan tradisi bagi penduduk masyarakat tempatan, sebutkan?
  - 2.4 Adakah pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan atau tidak dan bagaimana?
3. Pelajar bermain game “Baik ke mana” dengan meminta pelajar menyatakan tempat dalam masyarakat dengan berdasarkan kad teks.

Kad No. 1 Tempat yang penduduk dalam masyarakat itu datang membeli-belah



Kad No. 2 Tempat yang penduduk dalam masyarakat itu bersama-sama membuat aktiviti bersenam atau beristirahat.

Kad No. 3 Tempat yang penduduk dalam masyarakat itu menghantar anak-anak mereka untuk menerima pendidikan asas.

Kad No. 4 Tempat yang penduduk dalam masyarakat itu memberi kepentingan kepada penjagaan kesihatan

Kad No. 5 Tempat yang penduduk dalam masyarakat itu datang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti mengikut budaya, tradisi dan agama

4. Pelajar dibahagikan kepada 4 kumpulan. Kemudian guru mengarahkan setiap kumpulan berkongsi pendapat mereka dengan melukiskan gambar mengenai membina masyarakat yang berbahagia dalam kertas. Guru sebagai pemberi kemudahan dan menyoalkan dengan mencetuskan fikiran iaitu:

4.1 Apakah maksud masyarakat bahagia mengikut pendapat pelajar?

4.2 Bagaimana anggota masyarakat dapat membantu membina masyarakat yang bahagia?

5. Setiap kumpulan membentangkan hasil kerja mereka. Ahli kumpulan lain memberi pendapat dan cadangan tambahan.

6. Pelajar bekerjasama untuk membuat Kertas Aktiviti 1.1: Membina Masyarakat Bahagia untuk meringkaskan makna kepentingan masyarakat dan membina masyarakat bahagia

## **MEDIA / SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Klip video bertajuk *Masyarakat Saya* yang diperoleh secara dalam talian.
2. Kertas lukisan
3. Kertas Aktiviti 1.1: Membina Masyarakat Bahagia

## **UKURAN PENILAIAN**

1. Penyertaan dalam aktiviti.



2. Berhujah dalam menjawab soalan.
- 3 Pemberian pendapat.
4. Pembentangan hasil kerja.
5. Penilaian gambar lukisan mengenai membina masyarakat bahagia.

## **CADANGAN**

1. Guru harus mengadakan aktiviti yang membolehkan pelajar menambah pengetahuan seperti lawatan lapangan untuk pelajar dapat belajar daripada situasi sebenar dalam masyarakat. Menerusi lawatan lapangan, pelajar dapat belajar cara mengumpulkan maklumat yang digunakan dalam analisis dan dapat mengaplikasikan maklumat itu.

## **GLOSARI**

1. Komuniti ialah sebuah organisasi masyarakat yang merangkumi satu kawasan dan anggotanya dapat mencapai sebahagian besar keperluan asas serta dapat menyelesaikan sebahagian besar masalah dalam komuniti mereka.



## KERTAS AKTIVITI 1.1

### TAJUK: MEMBINA KOMUNITI BAHAGIA

**Keterangan:** Pelajar setiap kumpulan diminta melihat gambar dan bersama-sama menganalisis mengikut isu yang ditetapkan.



**Gambar No. 1**



**Gambar No. 2**



## ISU PENGANALISISAN

1. Gambar yang manakah menunjuk komuniti bahagia?  
(      )      Gambar No. 1  
(      )      Gambar No. 2
2. Mengikut pendapat pelajar bagaimakah komuniti bahagia? (jawab secara ringkas)  
.....  
.....  
.....  
.....

3. Bagaimakah ciri-ciri komuniti yang tidak bahagia mengikut dalam gambar?

.....  
.....  
.....  
.....

4. Mengikut fikiran pelajar komuniti yang pelajar tinggalkan itu bersamaan dengan gambar 1 atau 2?

.....  
.....  
.....  
.....



5. Sekiranya komuniti yang pelajar tinggal adalah yang terdapat dalam gambar 1. Mengikut pendapat pelajar bahawa apakah yang haru mempunyai peningkatan? untuk menjadi lebih baik lagi, atau jika komuniti yang pelajar tinggal adalah komuniti seperti yang terdapat dalam gambar 2. Mengikut pandangan pelajar bahawa apakah yang akan diperbaiki? untuk meningkat menjadikan masyarakat yang baik.



## **UNIT PEMBELAJARAN 3                    MASYARAKAT TEMPATAN**

**AKTIVITI 2                    Orang Penting dalam Masyarakat      Masa 1                    Jam.**

### **STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN**

Isi pembelajaran 2.2 darjah 3/1 dapat menyatakan peranan dan tugas anggota masyarakat dalam menyertai semua aktiviti mengikut proses demokrasi.

